

## **BAB ENAM**

### **PETANI PINDAH DAN ISU-ISU PEMBANGUNAN**

Bab ini akan meninjau isu-isu pembangunan dalam masyarakat Rungus dan khususnya petani. Isu-isu yang akan dibincangkan ialah latar belakang pembangunan, isu-isu pembangunan in-situ dan hala tuju pembangunan di kawasan kajian. Tinjauan ini akhirnya akan memberikan gambaran sejauhmanakah ‘pembangunan’ (khususnya dalam bidang ekonomi) yang mereka terima telah dapat meningkatkan taraf hidup. Persoalannya ialah setakatmanakah usaha-usaha untuk membangunkan orang Rungus dapat diterima dan dimanfaatkan?

Menurut Cramb (et.al, 1988: 1), pembangunan dapat dijelaskan sebagai satu bentuk proses sosial, ekonomi dan politik di mana sesebuah masyarakat yang terlibat akan dapat menikmati peningkatan menyeluruh dalam taraf hidup mereka. Oleh kerana komuniti Rungus dianggap sebagai miskin daripada segi sosial dan ekonomi, maka seterusnya pelbagai usaha telah dijalankan untuk cuba mengatasi kemiskinan ini. Bagaimanapun, usaha-usaha ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai isu yang menyebabkan kita terus tertanya-tanya ke mana perginya pertumbuhan pesat ekonomi negara sejak akhir-akhir ini?. Jawapan pertanyaan ini sebenarnya telahpun diketahui. Walaupun pembangunan sering dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi tetapi perhubungan ini tidak mantap; malah ada berlaku, kesesatan pembangunan ekonomi telah menyebabkan pertambahan pengangguran, peningkatan ketaksamaan sosial serta meningkatnya kadar kemiskinan mutlak.

Meletakkan pembangunan sebagai sasaran utama dalam membawa perubahan tanpa perancangan yang teliti dan berhati-hati akan hanya menjadikan sesebuah masyarakat sebagai ‘mangsa’ pembangunan. Pembangunan menurut Cramb lagi, harus disertai dengan keseimbangan yakni harus membawa faedah kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. (Cramb R.A. dan Gale Dixon, 1988: 1)

### **6.1 Agen dan Prestasi Agen Pembangunan di Kawasan Kajian**

Selain daripada sekolah rendah yang terdapat di kedua-dua kawasan kajian dan Pusat Kesihatan yang ada di Kg. Tinangol, terdapat juga beberapa agensi dan jabatan kerajaan yang sering terlibat dengan isu-isu pembangunan di kawasan kajian. Agensi dan jabatan tersebut ialah seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah, Lembaga Tabung Getah Sabah, Japanese Overseas Volunteer Cooperation dan Koperasi Pembangunan Desa. Bagaimanapun untuk mendapatkan gambaran yang lebih lengkap hanya jabatan dan agensi tertentu yang akan diberikan tumpuan utama untuk dibincangkan. Jabatan ataupun agensi-agensi ini adalah agen-agen yang dianggap paling aktif di kawasan kajian berdasarkan kadar keterlibatan mereka dengan pembangunan ekonomi penduduk tempatan.

#### **6.1.1 Jabatan Pertanian**

Jabatan Pertanian didapati sebagai agensi kerajaan yang paling banyak terlibat dengan masyarakat petani pindah di kawasan kajian. Jabatan Pertanian bukan sahaja

paling aktif menjalankan kegiatannya di kawasan kajian tetapi juga merupakan agensi yang paling banyak mendapat keutamaan untuk mendapatkan sebarang permohonan khususnya daripada masyarakat luar bandar

Jabatan Pertanian telah mula menjalankan tugas sejak zaman kolonial lagi iaitu sejak 1946 (Leur et al, 1987). Menurut Pegawai Pertanian Daerah Kudat, antara peranan penting jabatan ini ialah:

- (a) Menyokong usaha-usaha pembangunan khususnya di luar bandar melalui kegiatan pertanian.
- (b) Membantu mewujudkan sektor industri dan komersial di luar bandar.
- (c) Meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar melalui kegiatan pertanian yang lebih terancang dan menguntungkan dan
- (d) Memaksimumkan penggunaan sumber di luar bandar di samping dapat membekalkan keperluan makanan.

Pada beberapa tahun kebelakangan ini, antara kegiatan Jabatan Pertanian di kawasan kajian termasuklah:

- (a) Pemberian subsidi sawah sebanyak RM80.00 seekar khusus untuk belanja membajak.
- (b) Pemberian subsidi baja untuk sawah, kelapa, getah dan sayur.
- (c) Pemberian subsidi benih buah-buahan dan kelapa Mawa iaitu sejenis kelapa yang cepat mengeluarkan hasil berbanding dengan kelapa biasa serta lebih rendah pokoknya.
- (d) Pemberian subsidi racun serangga dan rumpai.

- (e) Memberikan khidmat nasihat tentang pertanian melalui lawatan dan ceramah ke kampung-kampung.
- (f) Jabatan Pertanian juga memberikan insentif kepada kumpulan-kumpulan gotong-royong yang aktif serta dapat bekerjasama di kalangan ahli-ahlinya untuk memajukan tanah antara satu sama lain. Insentif yang diberikan adalah dalam bentuk kasut bekerja, pakaian bekerja serta keutamaan dalam pemberian bantuan.
- (g) Khusus untuk para petani pindah, Jabatan Pertanian dari masa ke semasa sentiasa menyeru agar amalan pertanian pindah dihentikan dan digantikan dengan pertanian kekal atau tetap.  
(Pejabat Daerah Kudat, sumber tidak diterbitkan).

Boleh dikatakan bahawa Jabatan Pertanian adalah merupakan jabatan yang paling banyak terlibat dengan pembangunan ekonomi pertanian di kawasan kajian. Selain daripada itu, Jabatan Pertanian juga menyediakan sejumlah peruntukan yang tinggi untuk membiayai projek-projek pembangunan pertanian di bawah tanggungjawabnya.

Peruntukan atau kos yang terlibat pada RM7 (1996-2000) telah meningkat sebanyak 209.1% daripada RM6 (1991-1995) sebelumnya kepada 10.2 juta. Subsidi tanaman padi merupakan jumlah peruntukan yang paling tinggi dengan masing-masing 1.7 juta pada RM6 dan 2.1 juta pada RM7. Pertambahan jumlah peruntukan yang besar juga berlaku kepada semua projek yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian.

Jabatan Pertanian juga merupakan jabatan yang paling banyak menerima permohonan untuk bantuan subsidi, khidmat nasihat dan sebagainya.

**Jadual 6.1**  
**Projek dan Peruntukan Jabatan Pertanian Di Daerah Kudat Dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) Dan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM7)**

<b>Projek</b>	<b>Bilangan Petani</b>		<b>Kos (RM'000)</b>	
	<b>RM6</b>	<b>RM7</b>	<b>RM6</b>	<b>RM7</b>
1. Subsidi Tanaman Jangka Pendek	3,095 (206 h)	554 (292 h)	115,446	883,754
2. Skim Bantuan Pekebun Kecil	1,429 (1,414 h)	2273 (2,377 h)	863,032	4,167,108
3. Subsidi Tanaman Jangka Panjang	2,258 (937 h)	375 (425 h)	128,475	1,925,547
4. Skim Pemulihan Tanaman	676 (882 h)	1,040 (1,208 h)	153,732	806,340
5. Subsidi Tananam Padi	10,475	12,000	1.7 Juta	2.1 Juta
6. Pembangunan Keluarga Tani (kursus)	409 (21 kursus)	104 (16 kursus)	72,782	83,000
7. Bahan Tananam Buah-Buahan dan Kopi	44,603	50,000	259,330	300,000
<b>Jumlah</b>	<b>18,342<sup>(a)</sup></b>	<b>16,346<sup>(a)</sup></b>	<b>3.3 Juta</b>	<b>10.2 Juta</b>

<sup>(a)</sup>Tidak termasuk jumlah penerima bahan-bahan tanaman buah-buahan dan kopи.

h = hektar

Sumber: Pejabat Daerah Kudat (Maklumat tidak diterbitkan)

Jadual 6.2 menunjukkan bahawa Jabatan Pertanian merupakan Jabatan yang paling banyak menerima permohonan daripada kedua-dua kawasan kajian dalam tempoh tersebut. Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan penerimaan permohonan kedua tertinggi. Bagaimanapun semua permohonan yang ditujukan kepada jabatan ini adalah merupakan permohonan untuk mendapat bantuan orang tua yang berumur 60 tahun ke

atas ataupun bantuan kewangan sebagai janda. Bagi bantuan orang tua RM60.00 sebulan diberikan manakala bantuan janda pula sebanyak RM80.00 hingga RM150.00 bergantung kepada jumlah tanggungan. Jabatan atau agensi-agensi lain hanya menerima permohonan antara satu atau dua kecuali Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak yang menerima tiga permohonan dalam tempoh tersebut.

**Jadual 6.2**  
**Tempoh Jabatan atau Agensi Memproses Permohonan Penduduk**  
**Di Kg.Tinangol dan Kg. P/R/B Sebelum 1990 Hingga 1996 Berdasarkan Tempoh**  
**Permohonan Dihantar Dan Penerimaan Maklumbalas**  
**Dari Jabatan Atau Agensi Berkenaan**

Jabatan Agensi	Bil Permo- honan	Tempoh 1	Proses 2	(Tahun) 3	% lulus	Masih menunggu < setahun > setahun
Jabatan Pertanian	24	16	1	-	66.7	2
Perikanan/Ko Nelayan	1	-	-	1	100	-
Jab. Haiwan & P. Ternak	3	2	-	-	100	-
Kebajikan Masyarakat	14	2	-	1	50	8
SAFODA	1	-	-	-	-	1
UMNO	1	-	-	-	-	1
KPD	1	1	-	-	100	-
PPRT	2	-	-	1	100	1
<b>Jumlah</b>	<b>47</b>	<b>21</b>	-	<b>4</b>	<b>46.8</b>	<b>12</b>
						<b>10</b>

Daripada segi kecekapan memproses permohonan, Jabatan Pertanian merupakan jabatan yang paling cekap dengan memproses kebanyakan permohonan dalam masa satu tahun. Bagaimanapun masih terdapat lima permohonan yang telah menunggu lebih daripada satu tahun. Hanya tiga (daripada 14) permohonan yang dihantar ke Jabatan Kebajikan Masyarakat telah diketahui keputusannya manakala 11 permohonan lagi

dalam status menunggu yang mana lapan daripadanya (72.7%) menunggu kurang daripada satu tahun.

Kecekapan jabatan atau agensi kerajaan memproses sesuatu permohonan akan turut mempengaruhi keyakinan masyarakat terhadap kemampuan jabatan berkenaan. Maklumbalas yang segera sama ada permohonan tersebut diluluskan atau sebaliknya harus dijadikan amalan. Ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada pemohon untuk mencari alternatif lain sekiranya permohonan mereka gagal.

Jadual 6.3 menunjukkan bantuan atau subsidi yang pernah diterima oleh petani di kedua-dua kawasan kajian khususnya bantuan daripada Jabatan Pertanian. Bantuan yang diterima daripada Jabatan Pertanian ialah, pelbagai jenis baja, racun serangga, racun rumpai, benih kelapa dan buah-buahan dan subsidi sawah. Manakala subsidi anak itik ialah ialah pemberian daripada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dengan kerjasama Jabatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak. Peralatan tangki menyembur pula sebahagian besarnya adalah sumbangan Ahli Dewan Undangan Negeri N4 Matunggung iaitu Datuk Mathius Majihi (wakil rakyat pada 1985 hingga 1994 di kawasan kajian).

Di Kg. Tinangol, peratus petani yang menerima sesuatu bantuan kebanyakannya kurang daripada 20%. Hanya bantuan baja sawah dan pemberian itik yang lebih tinggi iaitu 20% untuk penerima baja sawah dan 53.3% penerima anak itik. Peratus penerima sesuatu jenis bantuan adalah lebih tinggi di Kg. P/R/B. Terdapat lima jenis bantuan yang peratus penerimanya sama atau lebih daripada 20% iaitu baja kelapa mawa (20%), racun serangga/rumpai (20%), benih kelapa mawa (33.3%), benih buah-buahan (20%) dan

bantuan tangki penyembur (33.3%). Khidmat nasihat pula diperolehi daripada pelbagai sumber. Bagaimanapun terdapat 6 orang (20%) di Kg. Tinangol dan 7 orang (23.3%) di Kg. P/R/B menyatakan mereka tidak pernah menerima sebarang bantuan sepanjang tempoh tersebut (1985-1996).

**Jadual 6.3**  
**Subsidi Ataupun Bantuan Pertanian Dan Sebagainya**  
**Yang Pernah Diterima Oleh Petani Pada 1985 Hingga 1996**

<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Kg. Tinangol (%)</b>			<b>Kg. P/R/B (%)</b>			<b>Jumlah (%)</b>		
	Ada	Cukup	Adil <sup>(a)</sup>	Ada	Cukup	Adil	Ada	Cukup	Adil
Baja Sawah Padi bukit Kelapa Getah Sayur	20			16.7			18.3		
	13.3			-			6.7		
	6.7			20			13.3		
	3.3			3.3			3.3		
	-			10			5		
	43.3	92.3	100	50	93.3	100	46.7	92.8	100
Racun serangga/ rumput	6.7	50	100	20	83.1	100	13.3	66.5	100
Benih Kelapa Buah-buahan	13.3	75	100	33.3	80	100	23.3		
	13.3	25	100	20	71.4	100	16.7	48.2	100
Ternakan Itik Ayam	53.3	37.5	53.3	50	50	53.3	51.6	43.7	53.3
	-	-	-	3.3	-	-	1.7	-	-
Tangki Penyembur	16.7	100	60	33.3	90	50	25	95	45
Nasihat	36.7	63.3	-	50	73.3	-	43.3	68.3	-
Subsidi sawah	6.7	50	100	3.3	100	100	5	75	100
Tidak pernah terima apa-apa subsidi/bantuan	6 (20%)			7 (23.3%)			13 (21.7%)		

<sup>(a)</sup>Petani ditanya adakah pembahagian sesuatu bantuan itu dibahagi dengan adil kepada semua penduduk kampung.

Kebanyakan para petani di Kg. P/R/B dan Kg. Tinangol menyatakan bantuan yang mereka terima sudah mencukupi. Bagaimanapun masih terdapat lagi permintaan

yang lebih tinggi untuk bantuan benih buah-buahan dan ternakan itik di Kg. Tinangol. Daripada segi keadilan pengagihan bantuan, hampir semua jenis bantuan mereka nyatakan sebagai telah dibahagi dengan adil. Ini menunjukkan kurang atau tiada unsur-unsur diskriminasi dalam meluluskan permohonan atau mengagihkan bantuan. Bagaimanapun apabila melibatkan bantuan yang tidak dipohon seperti pemberian anak itik 10 ekor setiap keluarga dan pemberian tangki penyembur, perasaan tidak puas hati timbul dengan serta merta. Hanya 43.4% berpuashati dengan keadilan pembahagian tangki penyembur dan 53.3% berpuashati dengan pembahagian anak itik.

Pemberian anak itik secara tiba-tiba di seluruh kampung di Daerah Kudat bermula pada awal tahun 1996. Anak itik ini diberikan dengan alasan untuk mempelbagaikan ekonomi orang-orang kampung. Walau bagaimanapun telah berlaku salah faham atau kekeliruan tentang potensi sebenar anak itik tersebut. Ada segelintir penduduk yang telah bersusah payah untuk membeli baja makanan dengan harapan itik tersebut boleh dibiakkan atau dijadikan itik untuk bertelur. Hanya apabila itik tersebut semakin dewasa barulah disedari bahawa sebenarnya semua itik yang diberikan tersebut (di semua kampung) adalah itik jantan! Memandangkan potensi dibiakkan tiada sama sekali, maka menjual itik tersebut adalah pilihan kedua untuk mengembalikan modal membeli baja makanan dan penat lelah memelihara itik tersebut. Menjual di *tamu* adalah pilihan terbaik memandangkan setiap penerima hanya mempunyai beberapa ekor itik (tidak dapat menjual secara borong). Tetapi oleh kerana anak itik tersebut diagihkan secara besar-besaran pada usia yang hampir sama, maka telah berlaku kelebihan di pasaran. Harga seekor itik dewasa hanya RM3.00 sahaja di *tamu*. Harga itik yang amat rendah ini menyebabkan ramai penerima yang menyembelih itik tersebut untuk kegunaan sendiri.

Peristiwa ini menunjukkan bahawa sesuatu pemberian ataupun bantuan perlulah diberikan penjelasan yang selengkap-lengkapnya supaya tidak berlaku salah faham dan seterusnya mendatangkan kerugian kepada sesuatu pihak.

Jika merujuk semula kepada Jadual 6.3, dapat diperhatikan bahawa kebanyakan bantuan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian adalah bertujuan untuk meningkatkan produktiviti tanaman yang sedia ada seperti baja dan racun serangga. Bagaimanapun ada dua tanaman yang menjurus kepada peningkatan pendapatan pada masa hadapan iaitu subsidi benih buah-buahan dan subsidi benih kelapa mawa. Terdapat lebih ramai yang telah memohon dan menerima benih kelapa mawa di Kg. P/R/B iaitu 33.3%. Ini kerana banyak tanah di kawasan ini yang baru dibuka berbanding dengan tanah di Kg. Tinangol yang ada diantaranya dibuka sejak awal 1970an lagi.

Kelapa mawa adalah kelapa yang cepat mengeluarkan buah iaitu selepas berusia tiga atau empat tahun berbanding dengan kelapa biasa yang mengambil masa antara tujuh hingga lapan tahun untuk mengutip hasil yang pertama. Kelapa mawa juga lambat meninggi. Ini bermakna kerja-kerja pemungutan hasil lebih mudah dan lebih cepat dijalankan. Walau bagaimanapun terdapat sedikit rungutan para petani berhubung dengan kelapa mawa. Buah kelapa ini yang lebih kecil menyebabkan kerja-kerja mengupas atau membelahnya memakan masa sedangkan hasil yang diperolehi kurang berbaloi berbanding mengupas atau membelah kelapa biasa yang bersaiz lebih besar. Encik Jurubasah dari Kg. Buranak menganggarkan bahawa untuk mendapat 100 kg kelapa kering, seseorang perlu mengumpul, membelah, menyungkit dan mengeringkan antara 550 ke 600 biji kelapa mawa sedangkan kelapa biasa boleh mencapai 100 kg

dengan hanya mengerjakan 300 ke 350 biji kelapa. Selain daripada itu, terdapat juga rungutan bahawa buah kelapa mawa yang cepat gugur dari tandannya sebelum matang atau tua. Ini menyebabkan kelapa muda yang gugur tersebut terbiar begitu sahaja. Kelapa mawa juga memerlukan penjagaan lebih rapi iaitu membersih sekitar pohon setiap enam bulan serta pembajaan perlu dilakukan pada kadar masa yang sama. Kelapa mawa juga tidak tahan api. Ini menyebabkan tanah yang dibuka untuk tanaman kelapa mawa tidak dapat dijadikan tempat pertanian pindah sebagaimana kelapa biasa. Walaupun kerosakan tetap berlaku kepada kelapa biasa semasa proses membakar *tagad* tetapi ia akan mengeluarkan hasil semula setahun kemudian. Sifatnya yang tahan lasak ini menyebabkan kelapa biasa sesuai dengan kegiatan pertanian pindah masyarakat di kawasan kajian.

Apa yang masih menarik perhatian sesetengah petani untuk menanam kelapa mawa adalah mayang kelapa ini yang banyak mengeluarkan nira. Nira ini jika dicampurkan dengan sejenis kulit kayu (*tongog*), ia boleh menjadi minuman yang memabukkan. Harga minuman ini di pasaran pada masa ini ialah lebih kurang RM1.00 seliter. Sepohon kelapa mawa boleh mengeluarkan sehingga 4 liter sehari. Tiga orang responden di Kg. P/R/B menyatakan mereka mampu memperolehi pendapatan sebanyak RM400.00 hingga RM600.00 sebulan hanya dengan mengusahakan kerja ini secara sambilan. Kerja mengutip hanya perlu dilakukan dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang.

Walaupun Jabatan Pertanian merupakan jabatan yang didapati paling kerap terlibat dengan pembangunan aktiviti pertanian di luar bandar khususnya di kawasan

kajian tetapi belum ada bukti-bukti yang jelas bahawa penglibatan mereka ini telah dapat meningkatkan pendapatan penduduk secara menyeluruh. Bagaimanapun potensi kelapa mawa pada masa hadapan adalah lebih cerah dengan meningkatnya permintaan kelapa biji. Harga kelapa biji tidak berkupas yang dibeli secara borong ialah antara 0.15 ke 0.20 sen manakala kelapa berkupas pula berharga antara 0.20 hingga 0.25 sen sebiji. Apabila kebanyakan kelapa mawa yang ditanam pada pertengahan 1990an mengeluarkan hasil, besar kemungkinan pendapatan para petani akan dapat ditingkatkan. Ini ditambah lagi dengan subsidi baja serta khidmat nasihat yang sentiasa diberikan oleh Jabatan Pertanian dari masa ke semasa. Potensi buah-buahan untuk meningkatkan pendapatan bagaimanapun belum jelas kelihatan kerana hanya sebahagian kecil yang terlibat dengan penanaman buah-buahan itupun ditanam khusus untuk kegunaan sendiri.

Adanya sumber kewangan, pengalaman serta populariti Jabatan Pertanian di Daerah Kudat akan membolehkan jabatan ini terus memainkan peranan sebagai penggerak utama pembangunan pertanian di luar bandar khususnya di Daerah Kudat.

### **6.1.2 Korporasi Pembangunan Desa (KPD)**

Pada mulanya (1976) KPD adalah sebuah badan korporasi. Pada tahun 1977 ia telah dijadikan salah sebuah agensi Kerajaan Negeri Sabah yang bermatlamat untuk mengatasi masalah kemiskinan dan ketidakseimbangan ekonomi, khususnya dikalangan masyarakat luar bandar. Penubuhan KPD juga selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menurut Enakmen KPD 1981, (KPD, 1994) matlamat penubuhan KPD adalah meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar di Sabah melalui pembangunan bidang pertanian. (lihat lampiran 1) Selaras dengan matlamat penubuhan KPD, strategi-strategi pelaksanaan turut dirangka untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut. Enakmen KPD 1981 menggariskan strategi yang antaranya menekankan pembangunan in-situ serta mengembangkan sektor pertanian luar bandar melalui kegiatan pemprosesan dan pemasaran. (lihat lampiran 2 )

Sebelum 1981, pendekatan yang digunakan oleh KPD terlalu menekankan aspek pembangunan dalam bentuk produktiviti sedangkan pembangunan kemanusiaan kurang diberikan perhatian. Keadaan ini menyebabkan para peserta projek mempunyai sindrom terlalu bergantung kepada bantuan KPD walaupun tempoh usahasama telah tamat. Akibatnya banyak kes di mana ladang atau projek yang sepatutnya peserta teruskan, diabaikan begitu sahaja. Menyedari kekurangan ini pihak KPD telah merangka strategi pembangunan yang dikenali sebagai “Strategi Utama KPD”. Strategi ini dijangka akan dapat melahirkan peladang atau pengusaha-pengusaha yang progresif dan berdikari dan seterusnya dapat membasmi masalah kemiskinan di luar bandar (KPD, 1993). Pendekatan pembangunan dalam strategi yang baru ini ialah:

(a) **Pembangunan manusia**

Matlamat utama pendekatan ini ialah menanamkan semangat berdikari. Ini dilakukan dengan melahirkan pengusaha yang terlatih dan berpengalaman untuk membolehkan mereka memajukan diri sendiri.

(b) **Pembangunan ekonomi**

Matlamat pendekatan ini ialah untuk meningkatkan kemahiran para peserta dalam pengurusan perusahaan secara komersial serta menekankan penggunaan sumber yang lebih produktif.

- (c) Pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pendekatan ini bertujuan untuk menyemai sikap bertanggungjawab terhadap para peserta tentang pentingnya menseimbangkan pembangunan dan pemeliharaan alam sekitar.

- (d) Kesihatan asas desa.

Matlamat pendekatan ini ialah untuk melahirkan kumpulan sasar yang sihat dan produktif.

Selaras dengan matlamat-matlamatnya, KPD telah melancarkan projek, skim perladangan, kemudahan pinjaman dan kemudahan latihan. Kegiatan-kegiatan ini adalah seperti:

- (a) Program latihan pertanian KPD-OISCA International.

Di bawah program ini belia dan beliawanis di kalangan kumpulan sasaran diberi peluang untuk mengikuti latihan asas pertanian. Program ini dikendalikan bersama oleh KPD dan OISCA International yang berpusat di Tokyo, Jepun. Peserta yang cemerlang turut diberi peluang melanjutkan pelajaran di Jepun untuk latihan lanjutan.

- (b) Projek ladang demonstrasi.

Projek ini bertujuan sebagai ladang contoh untuk menunjukkan kepada masyarakat umum khususnya golongan petani tentang kaedah pertanian moden

yang berorientasikan perdagangan. Ladang ini turut mendedahkan peserta kepada kaedah pengurusan pertanian yang sesuai dengan kemampuan peserta.

(c) Perladangan secara kontrak.

Program ini dilancarkan khusus untuk memberikan peluang kepada golongan miskin untuk turut terlibat dalam kegiatan pembangunan ekonomi. Struktur program yang dijalankan atas dasar usahasama ini dapat dilihat dalam Jadual 6.4.

**Jadual 6.4**  
**Konsep Perladangan Secara Kontrak**

Tanah	Milik Petani
Tenaga buruh	Petani dan ahli keluarga
Pengurusan ladang	Petani dan ahli keluarga
Modal/Pinjaman (input)	Disediakan oleh KPD
Latihan/nasihat teknikal	Disediakan oleh KPD
Pasaran	Dijamin oleh KPD
Pengangkutan	Disediakan oleh KPD
Pembayaran balik pinjaman	5% daripada hasil jualan
Pendapatan petani	Hasil jualan
Simpanan (diwajibkan)	5% daripada pendapatan petani

Sumber: KPD, Program-program pembangunan KPD, 1993.

(d) Projek pembangunan pertanian bersepadu.

Di bawah program ini lima jabatan dan agensi kerajaan negeri di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan (Sabah) telah berganding bahu untuk menyediakan pakej pembangunan. Jabatan dan agensi terlibat ialah KPD sendiri, Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Jabatan Perikanan dan

Jabatan Pengairan dan Saliran. Objektif utama program ini ialah untuk meningkatkan produktiviti tanah terbiar melalui penglibatan salah satu atau lebih agensi dan jabatan tersebut.

(e) Projek Usahamaju.

Projek ini merupakan sebuah program sosioekonomi Kerajaan Negeri Sabah yang dilaksanakan oleh KPD. Program ini menyediakan modal melalui kemudahan pinjaman tanpa faedah, cagaran dan penjamin dalam usaha menggalakkan penduduk luar bandar menceburि bidang-bidang lain khususnya berniaga. Program ini dijangka akan dapat meningkatkan peranan wanita luar bandar melalui pembangunan ekonomi keluarga.

Sebenarnya pemberian kredit hanyalah salah satu strategi yang digunakan oleh KPD untuk mencapai matlamat-matlamat organisasi. Bagaimanapun oleh kerana banyak aktiviti KPD yang melibatkan pemberian kredit samada secara langsung atau tidak langsung maka pendekatan ini dianggap mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan KPD berbanding dengan agensi-agensi pembangunan yang lain.

Prestasi KPD pada umumnya boleh dilihat daripada empat aspek iaitu: pencapaian fizikal, pencapaian penyertaan atau penerimaan masyarakat, pencapaian ekonomi organisasi dan pencapaian dalam meningkatkan pendapatan para peserta. Sesuai dengan tujuan kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada pencapaian KPD dalam meningkatkan pendapatan peserta projek-projek yang dianjurkan oleh KPD.

### Pencapaian Peningkatan Pendapatan

Adalah jelas bahawa KPD mengalami perkembangan dari segi pencapaian fizikal, pencapaian ekonomi organisasi dan pertambahan dalam kadar bilangan peserta setiap tahun. Walaupun terdapat kecenderungan bahawa pencapaian ekonomi organisasi adalah kurang mantap dari tahun ke tahun namun apa yang nyata ialah projek-projek KPD masih memperolehi pendapatannya yang tersendiri. Persoalan yang akan ditinjau berikutnya ialah sejauhmanakah pendapatan yang diperolehi daripada projek KPD telah dapat meningkatkan pendapatan peserta projek KPD?

Untuk meneliti perkara ini, pengkaji telah melakukan tinjauan ke atas kegiatan menternak lebah madu di Daerah Kudat. Projek menternak lebah madu ini merupakan satu projek KPD yang dianggap paling besar dan terpenting di Daerah Kudat kerana ia melibatkan 490 peserta (60.6%) daripada 809 peserta keseluruhan projek KPD di daerah ini pada 1992. Kesemua peserta projek lebah madu ialah kaum Rungus. Bagaimanapun tidak semua peserta ini produktif dan bilangan yang menjual madu mereka kepada KPD adalah tidak tetap.

Jadual 6.5 menunjukkan jumlah pendapatan bersih seluruh penternak lebah madu di Daerah Kudat. Pendapatan ini diperolehi selepas simpanan wajib (5%) dan hutang (5%) ditolak daripada hasil jualan.

Pada tahun 1992, jumlah pendapatan bersih penternak ialah RM73,641.21. Bagaimanapun matlamat asal atau sasaran pada tahun tersebut ialah RM115,200.00 atau RM9,600.00 sebulan. Ini bermakna peratus pencapaian pendapatan pada 1992 ialah

63.9%. Walaupun pencapaian ini agak jauh daripada matlamat asal tetapi kejayaan ini sebenarnya membanggakan memandangkan projek ini baru dimulakan pada 1991.

**Jadual 6.5**  
**Jumlah Pendapatan (Bersih) Bulanan Projek Lebah Madu KPD**  
**Di Daerah Kudat Pada Januari 1992 Hingga April 1994**

Bulan	Jumlah Pendapatan	Matlamat Asal	Peratus Pencapaian
<b>1992</b>			
Januari	2585.10	9600.00	26.9
Februari	8238.78	9600.00	85.8
Mac	11588.76	9600.00	120.7
April	5528.15	9600.00	57.6
Mei	1095.15	9600.00	11.4
Jun	4921.15	9600.00	51.3
Julai	13972.30	9600.00	145.5
Ogos	11925.80	9600.00	124.2
September	3803.52	9600.00	39.6
Oktober	1610.80	9600.00	16.8
November	4937.80	9600.00	51.4
Disember	3433.60	9600.00	35.8
<b>1993</b>			
Januari	10544.07	48000.00	21.9
Februari	7855.03	48000.00	16.4
Mac	18064.94	48000.00	37.6
April	18997.40	48000.00	39.6
Mei	13737.25	48000.00	28.6
Jun	8999.46	48000.00	18.7
Julai	23872.46	48000.00	49.7
Ogos	40386.63	48000.00	84.1
September	19011.01	48000.00	39.6
Oktober	1215.81	48000.00	2.7
November	431.60	48000.00	0.9
Disember	98.80	48000.00	0.2
<b>1994</b>			
Januari	222.53	101760.00	0.2
Februari	19057.60	101760.00	18.7
Mac	98.80	101760.00	0.1
April	9301.96	101760.00	9.1

Sumber: Pejabat KPD, Daerah Kudat (Maklumat tidak diterbitkan)

Pencapaian pendapatan bulanan adalah tidak tetap. Pencapaian pada bulan-bulan berikut melebihi seratus peratus daripada matlamat asal iaitu Mac, RM11,588.76

(120.7%); Julai, RM13,972.30 (145.5% - merupakan yang tertinggi) dan Ogos, RM11,925.80 (124.2%). Pendapatan pada bulan-bulan lain bagaimanapun gagal memenuhi matlamat asal. Hanya pada bulan Februari pendapatan menghampiri matlamat iaitu RM8238.78 (85.8%) manakala pencapaian pada bulan-bulan lain adalah kurang daripada 57.6%. Pendapatan terendah diperolehi pada bulan Mei dan Oktober iaitu masing-masing RM1095.15 (11.4%) dan RM1610.80 (16.8%).

Purata pendapatan bulanan yang diterima oleh penternak pada 1992 ialah RM24.85 sebulan. Ini dikira melalui persamaan berikut iaitu:

$$\text{PPP} = \frac{\text{JP}}{\text{BP}}$$

PPP = Purata pendapatan penternak

JP = Jumlah pendapatan pada tahun berkenaan

BP = Bilangan penternak

$$\begin{aligned}\text{PPP (1992)} &= \frac{\text{RM73,641.21}}{2,964} \\ &= \text{RM24.85}\end{aligned}$$

Berdasarkan purata pendapatan bulanan ini adalah jelas bahawa pendapatan penternak adalah sangat rendah. Jika diambilkira pendapatan tertinggi pada bulan Mac sekalipun, purata pendapatan hanya RM63.67 berdasarkan 182 penternak yang terlibat (yang menjual madu kepada KPD pada bulan tersebut).

Pendapatan pada tahun 1993 sebenarnya dijangkakan meningkat berdasarkan prestasi yang agak baik pada 1992. Bagaimanapun tindakan menambah matlamat asal sebanyak 400% yang mana kurang mengambilkira kemampuan dan pencapaian pada

1992 menyebabkan peratus pencapaian matlamat semakin merosot. Pendapatan pada 1993 sebanyak RM163,291.46 sebenarnya meningkat sebanyak 121.7% berbanding tahun sebelumnya. Bagaimanapun matlamat yang ditingkatkan sebanyak RM48,000 menyebabkan peratus pencapaian tahunan hanya 25.9%. Pencapaian pada bulan Ogos merupakan yang tertinggi dengan pendapatan sebanyak RM40,386.63 (84.1%). Peratus pencapaian pendapatan pada bulan-bulan lain adalah kurang daripada 50%.

Tindakan segelintir penternak yang mencampurkan madu dengan air gula telah disedari oleh KPD bulan Oktober apabila madu yang berada dalam simpanan KPD rosak. KPD telah mengurangkan pembelian dengan serta merta menyebabkan pendapatan dan peratus pencapaian pada tiga bulan terakhir 1993 telah merosot dengan teruk sekali.

Purata pendapatan bulanan pada tahun 1993 ialah RM33.52 iaitu peningkatan sebanyak 34.9%. Peningkatan ini sudah tentu lebih baik sekiranya peristiwa pada tiga bulan terakhir 1993 tidak berlaku. Pada tempoh tiga bulan tersebut pendapatan petani masing-masing hanya RM2.72, RM0.92 dan RM1.34. Melainkan tiga bulan tersebut pendapatan terendah dicatatkan pada bulan Februari iaitu RM19.25.

Peratus pencapaian pada empat bulan pertama 1994 semakin merosot juga kerana KPD telah meletakkan sasaran yang terlalu tinggi. Peristiwa penghujung tahun 1993 menyebabkan KPD menghadkan pembelian kepada bilangan penternak yang terpilih sahaja. Hanya 74 orang penternak yang telah menjual madu kepada KPD. Purata pendapatan bulanan pada empat bulan pertama 1994 ialah RM51.58 iaitu peningkatan sebanyak 53.9% berbanding RM33.52 pada tahun 1993.

Walaupun terdapat potensi untuk meningkatkan jumlah pendapatan bulanan penternak melalui projek ini tetapi pada masa ini potensi dan sumbangan projek ini ternyata belum berjaya menjadi satu sumber pendapatan yang membolehkan penduduk luar bandar sekurang-kurangnya mendekati garis kemiskinan. Berdasarkan pendapatan bulanan dari bulan Januari 1992 hingga bulan April 1994, pendapatan bulanan para penternak kebanyakannya kurang daripada RM50.00

Jonias (1994/95) dalam kajiannya mengenai projek menternak madu lebah KPD telah menyarankan perkara berikut untuk meningkatkan produktiviti projek ini.

(i) Menggunakan haif moden dan penggunaan alat pengekstrak.

Melalui penggunaan haif moden, kom madu dan kom anak lebah tidak bercampur. Ini memudahkan penggunaan alat pengekstrak iaitu alat yang digunakan untuk mengeluarkan madu tanpa merosakkan kom madu seperti amalan tradisional. Cara ini mempercepatkan pengeluaran madu kerana lebah tidak perlu mengambil masa membina semula kom madu atau kom anak.

(ii) KPD harus meningkatkan harga belian madu

Harga yang KPD tawarkan ialah RM8.00 sekilo. Harga pasaran pula RM30.00 sekilo (Abu Bakar dan Abdul Malik, 1990: 140). Menurut Jonias, walaupun petani mungkin tidak mengetahui perbezaan harga ini tetapi KPD haruslah berusaha meningkatkan harga belian ke satu tahap yang lebih munasabah (Jonias, 1994/95: 155). Adalah menjadi tanggungjawab KPD untuk turut memberi pertimbangan sosial yang sewajarnya (selain pertimbangan ekonomi) memandangkan tujuan utama KPD adalah untuk membangunkan ekonomi masyarakat luar bandar.

Untuk menggalakkan para penternak menghasilkan madu yang tulen dan bermutu, KPD juga harus memperkenalkan sistem harga berdasarkan mutu. Penggunaan peralatan seperti ‘refractometers’ untuk mengukur kandungan air dalam madu patut diperluaskan penggunaannya untuk memberi amaran kepada penternak bahawa perbuatan tidak bertanggungjawab mereka boleh dikesan. Selain itu, sistem harga ini juga akan menggalakkan penternak meningkatkan mutu pengeluaran mereka.

(iii) Mencari potensi pasaran

Pada masa ini KPD membeli madu secara kredit daripada penternak. Bagaimanapun terdapat aduan bahawa KPD lambat atau sering menangguh pembayaran yang sepatutnya dilakukan pada setiap hujung bulan. Keadaan seperti ini menyebabkan penternak kurang bersemangat mengerjakan projek mereka. KPD haruslah memperbaiki keadaan ini. Di samping ini, potensi pasaran di dalam dan luar negeri haruslah diterokai dengan lebih agresif lagi untuk menjamin keluaran ini mempunyai masa depan yang lebih baik.

#### **6.1.3 Lembaga Kemajuan Perhutanan Sabah (SAFODA)**

Penyelidikan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Sabah melalui Jabatan Perhutanan di antara 1969 hingga 1973 telah menjadi dasar dalam penubuhan SAFODA. (Kerajaan Negeri Sabah: 1989). Penyelidikan tersebut mendapati 15% atau 11,056.65 km<sup>2</sup> daripada 73,711 km<sup>2</sup> keluasan tanah Negeri Sabah adalah tidak produktif. Kawasan ini terdiri daripada hutan belukar dan padang rumput (grasslands). Kawasan terbiar ini dipercayai adalah akibat kegiatan pertanian pindah.

Jabatan Perhutanan Sabah telah menyarankan (SAFODA, 1986) supaya kawasan terbiar ini dibangunkan untuk menjamin bekalan kayu yang berterusan serta dalam masa yang sama dapat membawa pembangunan di luar bandar melalui kegiatan penghutanan semula. Berdasarkan sasaran ini, kerajaan negeri telah menubuhkan SAFODA pada bulan Disember 1976 melalui Enakmen SAFODA, 1976: No.20. Agensi ini beroperasi sepenuhnya menjelang pertengahan 1977 dan telah diletakkan di bawah Jabatan Ketua Menteri (Sabah). Sebagai sebuah agensi kerajaan, SAFODA mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada kerajaan negeri. Operasi dan dasar SAFODA juga tertakluk kepada peraturan dan arahan daripada kerajaan negeri yang dikeluarkan dari masa ke semasa (SAFODA, 1978: 1).

Dua matlamat utama dalam Dasar Ekonomi Baru ialah menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan luar bandar telah menjadi landasan matlamat jangka panjang SAFODA (Kerajaan Negeri Sabah: 1989). Matlamat terperinci agensi ini ialah:

- (a) Membangunkan kawasan terbiar dan kawasan pertanian marginal (marginal agricultural) menjadi kawasan perhutanan yang produktif.
- (b) Membekalkan keperluan kayu-kayuan dan hasil hutan.
- (c) Memberi peluang kepada penduduk (khususnya di luar bandar) untuk terlibat secara langsung dengan kegiatan penghutanan semula di samping memberikan banyak peluang pekerjaan.

- (d) Untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui skim penempatan perhutanan dan pengenalan skim ekonomi pertanian berorientasikan kegiatan perhutanan.

Di kedua-dua kawasan kajian yang terdiri daripada empat kampung, hanya di Kg. Rita (Kg. P/R/B) yang terlibat secara langsung dengan rancangan penanaman *Acacia Manggium* oleh SAFODA. Dalam laporan SAFODA (1996) yang masih dalam peringkat penyediaan (tidak diterbitkan) seluas 146 hektar akan terlibat dengan projek penanaman kayu *acacia* di Kg. Rita. Pada masa ini sebanyak 28.5 hektar telahpun ditanami dengan *acacia* di kampung tersebut. Seluas 51 hektar tanah ‘terbiar’ di Kg. Tinangol juga termasuk dalam kawasan yang diproyekkan untuk ditanam *acacia*. Walau bagaimanapun pada masa laporan tersebut ditulis belum ada tanaman rasmi dilakukan oleh pihak SAFODA di Kg. Tinangol. Walaupun Kg. Tinangol, Kg. Panudahan dan Kg. Buranak pada umumnya tidak terlibat secara rasmi (pada masa ini) dengan penanaman *acacia* oleh SAFODA tetapi sebenarnya telah terdapat ladang-ladang persendirian yang ditanam sendiri pada awal 1980an dan pertengahan 1980an iaitu masing-masing satu di Kg. Tinangol (Ladang Pusat Latihan Alkitab Gereja Protestan di Sabah) seluas 8 hektar dan ladang persendirian di Kg. Panudahan seluas 4 hektar. Selain itu, terdapat juga ladang-ladang *acacia* yang tumbuh sendiri di bekas tinggalan pertanian pindah. Pengkaji menganggarkan keluasan ladang-ladang yang tumbuh sendiri ini ialah 425 hektar di Kg. Tinangol iaitu berdasarkan andaian keluasan pertanian pindah tahunan 50% petani di Kg. Tinangol adalah tetap iaitu 84 ekar atau 21.25 hektar di darab dengan 10 tahun (dikira daripada 1986-1996) iaitu daripada masa *acacia* mula ditanam di kawasan ini. (rujuk Jadual 4.14). Manakala anggaran keluasan kawasan yang tumbuh sendiri di Kg. P/R/B ialah 203.4 hektar. Ini berdasarkan andaian luas tanah yang digunakan setiap tahun

oleh hampir semua petani di Kg. P/R/B adalah tetap iaitu 101.7 ekar atau 25.42 hektar di darab dengan 8 tahun (dikira daripada 1988 hingga 1996) iaitu masa *acacia* mula ditanam di kawasan ini.

Sementara itu terdapat seorang petani di Kg. Rita yang bekerja sebagai jaga untuk mengawasi ladang terutama daripada bencana api. Masa bekerja yang agak fleksibel membolehkannya turut terlibat dengan kegiatan pertanian pindah.

Pada masa ini hanya terdapat beberapa penyelidikan yang telah dibuat mengenai pengaruh SAFODA dalam perkembangan sosioekonomi penduduk tempatan. Kebanyakan penyelidikan ini adalah dalam bentuk kertas kerja seperti yang dibuat oleh Lim Hin Fui dan Saiman Charles Sandah (1992) yang menghuraikan tentang penyertaan penduduk tempatan dalam projek penanaman kayu oleh Sabah Forest Industries. Dayang Lily Damsal (1991) pula membuat laporan tinjauan awal ke atas perubahan sosio-ekonomi petempatan yang berada berhampiran dengan Hutan Simpan Deramakot, Sabah. Kajian-kajian lain yang berkaitan ialah kajian yang dijalankan oleh Yayasan Sabah (1986) mengenai keadaan sosio-ekonomi komuniti tradisional di dalam dan di luar kawasan konsesi balak Yayasan Sabah.

Kajian kes yang dilakukan oleh Lim Hin Fui dan Saiman Charles Sandah yang dibentangkan pada 1992 telah memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kesan atau pengaruh industri perhutanan di kawasan Sabah Forest Industries (SFI) ke atas dua buah kampung di Sipitang Sabah. Kajian ini antara lain membuktikan bahawa kesan pembangunan seperti peningkatan pendapatan dan pengurangan kadar kemiskinan dan

pertambahan mutu (infrastruktur) lebih dirasakan jika kampung atau petempatan lebih dekat dengan pusat perindustrian tersebut. Bagaimanapun kajian-kajian yang dilakukan setakat ini masih kurang memfokuskan pengaruh penanaman kayu yang dijalankan oleh SAFODA ke atas sosio-ekonomi masyarakat tempatan yang terlibat.

Hingga akhir tahun 1995 seluas 2,362.2 hektar telah ditanami dengan *acacia* daripada 3,563.0 hektar yang dirancang di Daerah Kudat (SAFODA 1995, maklumat tidak diterbitkan). Di antara keempat-empat kampung yang terlibat dengan kawasan kajian ini, hanya Kg. Rita yang terlibat dengan penanaman pihak SAFODA manakala ladang atau *acacia* yang tumbuh di kampung selebihnya (Tinangol, Panudahan dan Buranak) adalah merupakan *acacia* yang tumbuh sendiri ataupun ditanam secara persendirian.

Program pembangunan tanah sebagaimana yang diamalkan oleh SAFODA memang telah menyediakan banyak peluang pekerjaan, seperti pada masa peringkat menyemai, menanam, pembersihan rumpai, ‘trimming’ dan menebang. Peluang-peluang kerja ini biasanya dibuka secara kerja harian kecuali di kawasan yang melibatkan penempatan yang besar di mana pekerjaan sentiasa ada dan tidak mengira musim. Pekerjaan harian ini menawarkan jumlah gaji di antara RM12.00 ke RM15.00 sehari bergantung kepada jenis pekerjaan yang dilakukan. Bagaimanapun semua jenis pekerjaan di ladang SAFODA (kecuali di kawasan yang ada penempatan) adalah bermusim. Kerja menyemai misalnya hanya dilakukan beberapa hari sahaja untuk memenuhi keperluan sesuatu kawasan penanaman. Begitu juga dengan kerja menanam. Manakala pembersihan atau kawalan rumpai hanya perlu dilakukan sekali atau dua kali

pada dua tahun yang pertama kerana kayu *acacia* mempunyai keupayaan yang tinggi untuk bersaing dengan tumbuhan di sekitarnya. Manakala ‘trimming’ pula hanya dilakukan sekali sahaja iaitu pada usia kayu kira-kira satu tahun pada ketinggian lebih kurang 3 meter.

Jumlah hari bekerja yang terhad ini sudah tentu kurang mendatangkan pendapatan yang memuaskan kepada petani. Encik Freddy Lee<sup>3</sup> menjelaskan bahawa terdapat salah anggapan segelintir penduduk luar bandar yang mengharapkan SAFODA akan memberikan pekerjaan yang tetap kepada mereka. Beliau menjelaskan, penyediaan peluang pekerjaan tersebut adalah hanya pada musim atau peringkat tertentu sahaja.

Menurut pemerhatian pengkaji, penerimaan penduduk kampung terhadap rancangan masa depan SAFODA untuk memperluaskan penanaman di tempat kajian dinilai secara berbelah bagi. Ada segelintir yang mahu penanaman ini diteruskan manakala segelintir lagi kurang bersetuju dengan perluasan tanaman ini. Bagi yang kurang atau tidak bersetuju, persaingan penggunaan tanah dengan kegiatan ekonomi yang lain menjadi alasan utama mereka. Mereka beranggapan tanah mereka juga boleh dibangunkan dengan menanam kelapa, buah-buahan dan sebagainya. Ini boleh dilakukan dengan sokongan pelbagai agensi kerajaan yang lain. Lagipun dengan mengusahakan tanah sendiri mereka mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas pemasaran hasil pertanian mereka. Pihak SAFODA pula dilihat agak mengambil berat soal lokasi ladang dan jenis ladang (tanam atau tumbuh sendiri) sebelum membuat keputusan untuk membeli kayu tersebut atau sebaliknya. Petani juga dimestikan berunding dengan pihak SAFODA terlebih dahulu jika berminat menjual kayu mereka apabila matang kelak. Walaupun

proses birokrasi seperti ini adalah satu kemestian bagi sebuah organisasi, petani lebih berminat dengan urusan jual beli yang tidak banyak melibatkan karenah birokrasi.

Untuk membolehkan SAFODA mempunyai peranan yang lebih meluas terhadap peningkatan sosio-ekonomi penduduk di kawasan yang terlibat dengan penanaman *acacia*, SAFODA perlu meningkatkan keupayaan untuk membeli kayu *acacia* yang tumbuh sendiri di tanah-tanah persendirian. Keupayaan ini juga harus diikuti dengan mempermudahkan proses pembelian.

Memandangkan peluang ekonomi yang dinikmati oleh penduduk di kawasan kajian melalui penglibatan SAFODA sebagai sebuah agen pembangunan hanya terhad kepada peluang pekerjaan secara harian, bolehlah disimpulkan bahawa sehingga setakat ini SAFODA hanya memainkan sedikit peranan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk. Jika merujuk semula kepada matlamat-matlamat asal SAFODA, kegagalan dalam bidang ini sebenarnya adalah satu kegagalan yang besar bagi sebuah agensi yang sepatutnya membawa pembangunan sosio-ekonomi di luar bandar di mana ia terlibat.

#### **6.1.4 Japanese Overseas Cooperation Volunteer (JOCV)**

Program JOCV adalah sebahagian daripada aktiviti kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA). Di bawah rancangan ini para sukarelawan Jepun dihantar ke negara-negara ketiga untuk memberikan perkhidmatan teknikal di peringkat akar umbi iaitu perkhidmatan langsung kepada masyarakat (Fukunaga, 1988).

Berdasarkan penilaian awal yang dilakukan pada 10 hingga 22 Februari 1984 serta perjanjian yang dipersetujui antara Kerajaan Negeri Sabah dan Japanese Implementation Survey Team, dua kampung di Daerah Kudat, satu di Pitas dan satu di Kota Marudu telah dipilih sebagai kampung contoh untuk menerima Program Pembangunan Kampung (Village Improvement Program). Kg. Tinangol adalah salah satu kampung yang terpilih. Menjelang pertengahan 1995, pasukan pertama telah mula bertugas di Kg. Tinangol.

Misi utama sukarelawan berkenaan ialah menjadi penggerak dan pendorong para masyarakat tempatan untuk memajukan diri melalui penglibatan mereka dalam pelbagai rancangan yang disarankan oleh JOCV. Dalam menjalankan rancangan-rancangan ini JOCV akan bekerjasama rapat dengan Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat, di bawah Jabatan Ketua Menteri. Bantuan teknikal dan tunjukajar juga akan diperolehi melalui kerjasama dengan jabatan dan kementerian seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Jabatan Pendidikan dan Kementerian Kesihatan. Kandungan program ini akan menumpukan perhatian ke atas perkara-perkara berikut:


- (a) Untuk memberi motivasi kepada orang-orang kampung ke arah kehidupan berdikari (independent and self-reliant living).
- (b) Untuk meningkatkan taraf hidup penduduk kampung khususnya kualiti kesihatan dan kemudahan infrastruktur.
- (c) Memberikan tunjuk ajar dan maklumat mengenai penjagaan kesihatan, pemakanan, teknik pertanian dan ternakan dan sebagainya.
- (d) Meningkatkan pendapatan penduduk kampung melalui meningkatkan produktiviti pertanian, ternakan dan sebagainya (JOCV/UPKR, 1987).

Para sukarelawan Jepun yang mempunyai kebolehan masing-masing dalam bidang pertanian, ternakan, kesihatan, pembinaan (civil) dan pembangunan kampung telah menjalankan projek dan kegiatan mengikut bidang masing-masing. Sepanjang tempoh 1985 hingga 1989, JOCV dengan kerjasama jabatan dan kementerian yang berkaitan telah menjalankan pelbagai aktiviti dan projek sesuai dengan tumpuan-tumpuan di atas. Projek dan kegiatan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

#### **A. Bahagian Pertanian**

Kebanyakan projek atau kegiatan yang dijalankan oleh bahagian pertanian telah mendapat kerjasama Jabatan Pertanian, Kudat. Kerjasama ini adalah dalam bentuk bantuan teknikal dan subsidi baja, racun dan benih. Kerja-kerja dalam bahagian ini kebanyakannya dibuat secara berkumpulan atau individu. Antara projek yang dijalankan ialah menanam sayur, menanam kacang tanah, menanam koko dan buah-buahan serta menubuhkan kumpulan-kumpulan tani untuk menggalakkan peningkatan produktiviti. Selain daripada itu kursus singkat teknik menanam koko, mencantun tanaman, membuat baja kompos, menanam padi ala Jepun, dan kursus penjagaan mesin kubota (mesin membajak) juga dijalankan.

**Carta 1**  
**Carta Organisasi Program Pembangunan Kampung (PPK)**



Petunjuk:

JOJV = Japanese Overseas Cooperation Volunteer

UPKR/PKR = Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat

SVIO = Senior Village Improvement Officer

CDC = Community Development Centre

Sumber: Village Improvement Program in Sabah, Malaysia by  
 JOCV/UPKR, 1987.

## B. Bahagian Ternakan

Projek dan kegiatan yang dijalankan oleh bahagian ternakan sentiasa mendapat kerjasama Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak. Projek-projek dijalankan secara gotong-royong, berkumpulan atau individu. Antara projek yang telah dijalankan ialah

projek memelihara ayam, membina kandang babi, kursus pemeliharaan ayam, penjagaan kesihatan ternakan, kursus memelihara ikan air tawar, membiak baka babi yang baik dan membantu memasarkan hasil ternakan.

### **C. Bahagian Penjagaan Kesihatan**

Terdapat banyak kegiatan yang dijalankan di bawah bahagian ini yang menekankan penjagaan kesihatan dan kebersihan. Antara kegiatan yang dijalankan ialah penjagaan gigi untuk murid-murid sekolah rendah, membasmi kutu di kalangan kanak-kanak, pemberian ubat cacing, membuat sistem perparitan di bawah dan sekeliling rumah panjang secara bergotong-royong, menggalakkan pembuangan sampah yang teratur termasuk mengasingkan bahan yang tidak terbakar untuk dikutip oleh Lembaga Bandaran Kudat dan memberi tunjuk ajar mengenai cara pemakanan yang baik kepada murid-murid sekolah rendah dan para ibu. Sebahagian kegiatan ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan

### **D. Bahagian Pembinaan**

Seperti projek-projek lain (di bahagian pertanian dan ternakan), peruntukan untuk projek-projek di bawah bahagian pembinaan adalah dipohon daripada Unit Pemimpin Kemajuan Rakyat di Kota Kinabalu. Projek dijalankan secara bergotong-royong. Projek-projek yang telah dijalankan ialah pembinaan tiga buah tangki konkrit, pemberian balai raya, pembinaan tempat membasuh yang berfungsi sebagai singki (sink) supaya air buangan dapat disalurkan ke parit dan membina parit untuk mengelakkan air bertakung di bawah rumah

### E. Kegiatan Lain

Para sukarelawan dengan kerjasama JKKK juga telah menganjurkan gotong-royong untuk membersihkan kawasan kampung sekali setiap bulan. Selain itu para sukarelawan juga sentiasa memberi dorongan kepada JKKK supaya kerap mengadakan mesyuarat sebagai langkah pihak JOCV mendapat maklum balas tentang kegiatan yang mereka jalankan. Walau bagaimanapun kegagalan pihak JKKK mengadakan mesyuarat yang teratur telah memaksa pihak JOCV menganjurkan mesyuarat wakil blok yang terdiri daripada wakil dari tiga buah rumah panjang, ketua kampung, pengurusi JKKK, setiausaha JKKK, orang kampung yang berminat dan pihak JOCV sendiri. Selain daripada itu penyelidikan tentang perbelanjaan isi rumah dan pemakanan juga telah dijalankan.

Pendekatan ‘integrated development’ yang digunakan oleh JOCV telah membolehkan isu-isu pembangunan dapat dikembangkan daripada pelbagai aspek. Berbanding dengan pendekatan yang digunakan oleh agen-agen pembangunan yang lain, JOCV turut melihat pembangunan personaliti dan pembangunan kesihatan sebagai satu aspek yang perlu diberi perhatian serius dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar. Tumpuan pembangunan kepada empat bidang utama sekaligus iaitu pertanian, ternakan, pembinaan infrastruktur dan penjagaan kesihatan telah membuka spektrum pembangunan seluas-luasnya.

Walau bagaimanapun jika matlamat projek ini dijadikan pengukur prestasi mereka ternyata masih terdapat perkara yang memerlukan perhatian. Matlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan penduduk kampung sedikit sebanyak telah dicapai

melalui pembinaan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti tangki air, sistem perparitan, bangunan awam, tandas dan sebagainya. Kesedaran penduduk mengenai kesihatan dan kebersihan telah dirangsangkan dengan pelaksanaan pelbagai program yang menekankan kedua-dua perkara ini.

Matlamat untuk menyediakan maklumat dan pengetahuan tentang kesihatan, pemakanan, teknik-teknik pertanian dan ternakan dan sebagainya juga telah tercapai. Ini dapat dibuktikan dengan adanya pelbagai kursus dan maklumat langsung yang diberikan oleh kakitangan JOCV. Walau bagaimanapun penduduk yang terlibat dengan satu-satu kemahiran tidak menyeluruh. Perkara ini tidak dapat dielakkan kerana tidak ada unsur paksaan dilakukan untuk menyertai sesuatu kegiatan.

Bagaimanapun kejayaan JOCV dalam usaha untuk memberikan motivasi kepada peserta berhubung dengan sikap ingin maju dan berdikari agak mendukacitakan. Menurut salah satu laporan yang dihantar oleh kakitangan JOCV di Kg. Tinangol yang diserahkan pada bulan Ogos, 1987 menyatakan:

“Masalah sebenar pembangunan penduduk Kg. Tinangol ialah, mereka tidak mempunyai pengalaman (dan pengetahuan) untuk memajukan kampung... Kami (JOCV) berpendapat bahawa berdasarkan kelemahan ini, kampung ini tiada harapan untuk dimajukan selama-lamanya”.

(Dipetik daripada laporan JOCV, Tinangol pada Ogos 1987)

Laporan tersebut juga menyebut tiga contoh penduduk kampung menerima idea-idea untuk memajukan diri sendiri dan kampung amnya.

Pihak JOCV melaporkan bahawa walaupun pasaran sayur-sayuran penduduk kampung sudah terjamin melalui penjualan secara tender di sebuah asrama di Kudat tetapi, didapati masih ramai yang tidak berminat untuk meneruskan penanaman sayur. Walaupun masalah cuaca dan ancaman perosak diakui sebagai salah satu masalah menanam sayur, tetapi pihak JOCV berpendapat bahawa punca utama kekurangan minat ini ialah sikap malas kebanyakan peserta. Umpamanya kehadiran mereka untuk mengerjakan tanaman secara berkumpulan hanya baik pada awal musim kemudian semakin berkurang.

Pihak JKKK juga didapati tidak pernah menjalankan mesyuarat yang teratur. Jika ada mesyuarat JKKK hanya dihadiri oleh dua atau tiga orang sahaja. Keadaan ini dilihat sebagai satu kegagalan penduduk kampung sendiri untuk memajukan kampung mereka. Ketiadaan mesyuarat di peringkat kampung menunjukkan bahawa penduduk kampung tidak mahu bekerjasama untuk kemajuan kampung. Selain itu, kepemimpinan pihak JKKK juga untuk menggerakkan kemajuan kampung turut dipersoalkan.

Contoh ketiga yang diberikan ialah berhubung dengan kegagalan penduduk kampung menerima idea membangunkan kampung ialah ketiadaan kerjasama yang kukuh. Keadaan ini dapat dilihat dalam projek-projek secara berkumpulan. Umpamanya kumpulan ‘A’ tidak mahu bekerjasama dengan kumpulan ‘B’ untuk sama-sama memasarkan ayam daging yang mereka ternak dengan alasan yang kurang jelas seperti masalah berlainan unit rumah panjang, perbezaan pertalian keluarga dan sebagainya. Pihak JOCV menyimpulkan banyak masalah yang ditimbulkan oleh penduduk kampung berhubung dengan idea membangunkan kampung sebagai berpunca daripada sikap

terlalu bergantung kepada bantuan atau subsidi kerajaan. Hampir setiap aktiviti yang mahu dilakukan akan dimulakan dengan persoalan ‘bagaimana memohon atau mendapat bantuan daripada kerajaan?’

Dalam masa yang sama, kesedaran untuk memajukan diri sendiri juga kurang diberi perhatian oleh penduduk kampung. Umpamanya seorang penduduk yang telah diluluskan permohonannya untuk menanam koko melalui sokongan pihak JOCV didapati tidak memberi penjagaan sepatutnya kepada koko yang ditanam di kebun kelapanya. Akibatnya kebanyakannya benih koko yang diperolehi secara percuma itu rosak.

Seperti yang pengkaji nyatakan lebih awal dalam Bab Lima, ternyata pengalaman yang dilalui oleh pihak JOCV juga menyokong kenyataan bahawa penduduk kampung (khususnya petani) telah berasa puas hati dengan kedudukan ekonomi mereka pada masa ini. Mereka seolah-olah merasakan tiada sebab untuk berusaha meningkatkan pendapatan mereka.

Walaupun meningkatkan pendapatan penduduk kampung juga merupakan sebahagian matlamat pihak JOCV, ternyata matlamat ini juga kurang tercapai. Keadaan ini dapat dilihat dalam bahagian ternakan dan pertanian yang mereka jalankan.

Projek yang terbesar dijalankan dalam bahagian ternakan ialah menternak ayam daging. Ini berdasarkan bilangan peserta yang terlibat adalah lebih daripada 20 orang. Tujuan utama projek ini ialah untuk meningkatkan pendapatan dan menambahkan sumber protein penduduk kampung. Kegagalan meningkatkan pendapatan para peserta

ini dapat dilihat dalam beberapa kali percubaan yang dilakukan. Umpamanya percubaan secara berperingkat-peringkat yang dimulakan pada pertengahan 1989. Peserta yang terlibat adalah 20 orang. Jumlah hasil jualan pada bulan Julai, Ogos dan September 1989 ialah RM1945.46 (193 ekor ayam). Ini bermakna purata pendapatan kasar yang diperolehi oleh setiap peserta ialah RM97.30. Walau bagaimanapun oleh kerana projek ini dijalankan secara berkumpulan maka jumlah pendapatan sebenar adalah berbeza-beza. Menurut laporan projek ini, pada September 1989, hanya tujuh peserta yang mendapat sedikit keuntungan dan telah mampu menggunakan keuntungan tersebut untuk meneruskan penternakan ayam daging manakala sebahagian besar lagi mengalami kerugian atau mendapat keuntungan yang terlalu sedikit untuk dijadikan modal pusingan sekali lagi.

Bagaimanapun prestasi jualan tahun sebelumnya (dimulakan pada 2 Ogos, 1988) adalah lebih baik. Sebanyak 25 peserta terlibat dan hanya lima orang yang mengalami kerugian. Pendapatan bersih tertinggi ialah RM73.20. Oleh kerana modal projek ini diperolehi daripada pinjaman JOCV maka para peserta terpaksa membayar semula. Pada September 1989, sebanyak 24 peserta (sepanjang tahun 1988 hingga 1989) masih ber hutang dengan JOCV berjumlah RM2170.31.

Keuntungan yang sedikit ini disebabkan oleh ayam mati (kerana penyakit), tidak cukup berat, harga baja (makanan ayam) yang meningkat dan harga daging ayam yang murah iaitu RM4.00 sekilogram.

Berdasarkan prestasi projek ini ternyata matlamat untuk meningkatkan pendapatan gagal dicapai. Malah ramai yang masih berhutang semasa dan selepas projek ini dijalankan.

Seperti ternakan ayam daging, penanaman sayur juga mempunyai tujuan sampingan iaitu untuk memenuhi keperluan domestik. Bagaimanapun matlamat yang lebih ditekankan ialah untuk meningkatkan pendapatan. Sebagai projek yang terawal dijalankan, prestasi penanaman sayur untuk meningkatkan jumlah pendapatan masih pada tahap yang sederhana.

Jadual 6.6 menunjukkan pendapatan yang diperolehi hasil daripada penjualan sayur-sayuran penduduk Kg. Tinangol sepanjang tempoh 1986 hingga 1989. Dapat dilihat bahawa walaupun terdapat peningkatan hasil jualan setiap tahun tetapi peningkatan ini sebenarnya kurang memberi kesan kepada peningkatan pendapatan bulanan pekebun sayur. Memandangkan sayur memerlukan penjagaan harian yang rapi, pendapatan bulanan pada purata RM26.33 sebulan sepanjang 1987 hingga 1989 sudah tentu tidak berbaloi.

Masalah yang dikenalpasti sebagai punca kekurangan penghasilan ini ialah gangguan cuaca (terutama hujan), serangan serangga perosak, tapak yang kurang sesuai, kekurangan input kerana kekurangan peruntukan dan masalah komunikasi dengan Jabatan Pertanian telah menyebabkan langkah kawalan perosak lambat dilakukan. Selain daripada itu walaupun terdapat pasaran untuk beberapa jenis sayur tetapi oleh kerana produktiviti yang rendah menyebabkan hasil tersebut hanya cukup untuk menampung

kegunaan isi rumah. Walaupun masalah kurang kesedaran (seperti tidak bersikap ‘rasional’) untuk memperniagakan sayur-sayuran turut disentuh dalam laporan tersebut tetapi masalah ini kurang jelas. Ada kemungkinan bahawa keinginan untuk menanam dan menjual sayur-sayuran agak rendah kerana disebabkan oleh masalah-masalah ancaman serangga, cuaca dan kesesuaian tapak yang mana mungkin mereka telah ketahui dan alami lebih awal.

**Jadual 6.6**  
**Hasil Jualan Sayur-sayuran Penduduk Kg. Tinangol/JOCV**  
**Antara Tahun 1986 Hingga 1989**

Tahun	Jumlah Hasil	Jumlah Bulanan	Purata Mingguan	Purata Pendapatan 10 pekebun (sebulan) <sup>(a)</sup>
1986	-	RM30-80 seorang	-	-
1987	RM2252.00	RM187.66	RM46.90	RM18.80
1988	RM3468.00	RM289.00	RM72.25	RM28.90
1989	RM3724.00	RM310.33	RM77.58	RM31.03
<b>Jumlah<sup>(b)</sup></b>	<b>RM9444.00</b>	<b>RM262.33</b>	<b>RM65.58</b>	<b>RM26.23<sup>(b)</sup></b>

Diubahsuai daripada: Laporan Projek Kemajuan Kampung, JOCV Kg. Tinangol 1986 hingga 1989.

<sup>(a)</sup>Diandaikan hanya sekitar 10 pekebun yang terlibat sepanjang tempoh 1987 hingga 1989 kerana bilangan mereka kerap berubah akibat sikap kurang komitmen dengan aktiviti menanam sayur.

<sup>(b)</sup>Pengiraan jumlah hanya melibatkan tahun 1987 hingga 1989 sahaja.

Jangka masa empat tahun (1985 hingga 1989) sebenarnya adalah satu jangka waktu yang pendek untuk melakukan perubahan kepada sesebuah kumpulan masyarakat. Ini lebih sukar lagi apabila perubahan tersebut juga melibatkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat berkenaan. Halangan yang paling sukar ialah apabila melibatkan perubahan mentaliti komuniti berkenaan. Walau bagaimanapun, dalam jangka waktu yang singkat

itu juga pihak JOCV sebenarnya telah memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada penduduk kampung tentang peluang-peluang yang boleh mereka ceburi sekiranya mereka mahu berusaha dan bersikap lebih oportunis terhadap persekitaran mereka. Kegagalan dan masalah yang berlaku dalam projek-projek JOCV sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh kurangnya keinginan masyarakat kampung untuk memajukan diri kerana sikap berpuashati dengan apa yang ada.

## **6.2 Pendidikan Sebagai Agen Pembangunan**

Pengalaman agen-agen pembangunan di kawasan penyelidikan seperti Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Japanese Overseas Cooperation Volunteer (JOCV) dan Jabatan Pertanian, sering menyatakan masalah pendidikan yang rendah sebagai salah satu masalah utama bagi mereka menyebarkan pembangunan. Tahap pendidikan yang rendah bagi kumpulan sasaran sudah lama dikenalpasti sebagai ciri terpenting untuk menentukan kejayaan sesebuah program pembangunan khususnya pembangunan sosio-ekonomi. Walaupun masalah kekurangan pendidikan telah dikenalpasti sebagai satu masalah utama, agen-agen pembangunan tidak dapat berbuat apa-apa kerana pada masa ini mereka berhadapan dengan golongan dewasa di luar bandar yang tidak berkesempatan mendapat pendidikan secukupnya. Dengan mengambilkira keadaan ini, adalah jelas bahawa pendidikan yang secukupnya harus diterima oleh golongan kanak-kanak khususnya di luar bandar untuk membolehkan mereka tidak turut dibelenggu masalah kemiskinan. Walaupun kejayaan dalam bidang pendidikan tidak ada jaminan tetapi sekurang-kurangnya pengetahuan asas mereka (seperti menulis, membaca dan mengira)

akan memberikan lebih banyak peluang kepada agen-agen pembangunan untuk membantu mereka pada masa hadapan.

### **6.2.1 Kadar Kenal Huruf**

Kadar kenal huruf di kalangan ibu bapa (responden) di kawasan kajian membuktikan bahawa masalah kekurangan pendidikan ini memang wujud.

Jadual 6.7 menunjukkan kadar kebolehan membaca di kedua-dua kawasan kajian. Didapati bahawa walaupun Kg. Tinangol pada umumnya lebih awal menerima banyak perubahan tetapi hanya 63.3% sahaja yang boleh membaca. Peratus ini tidak banya berbeza dengan peratus di Kg. P/R/B iaitu 56.7%. Keadaan ini menggambarkan bahawa ketua isi rumah di kedua-dua kawasan kajian ini sama-sama mengalami masalah kekurangan pendidikan asas untuk membolehkan mereka menyerap idea-idea pembangunan dengan sempurna.

**Jadual 6.7  
Kadar Kenal Huruf Ketua Isi Rumah Pada 1996**

<b>Kebolehan Membaca</b>	<b>Kg. Tinangol</b> <b>Bil.</b>	<b>%</b>	<b>Kg. P/R/B</b> <b>Bil.</b>	<b>%</b>	<b>Jumlah</b> <b>Bil.</b>	<b>%</b>
Boleh membaca	19	63.3	15	50	34	56.7
Tidak boleh membaca	11	36.7	15	50	26	43.3
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

Nota: Kadar kenal huruf di Sabah pada 1980 ialah 39.9 % (Hairi, 1986:271)

Jadual 6.8 menjelaskan dengan lebih lanjut pencapaian akademik (persekolahan) ketua isi rumah (dan isteri jika berkenaan).

Tanpa persekolahan atau taraf persekolahan yang rendah di kalangan petani bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana kebanyakan responden berumur lebih 40 tahun. Kemudahan persekolahan walaupun ada tetapi jauh dari kawasan tempat tinggal mereka. Dapat dilihat bahawa di kalangan ketua isi rumah (suami dan ibu tunggal) 21 (70%) di Kg. Tinangol dan 18 (60%) di Kg. P/R/B yang tidak pernah bersekolah. Pasangan mereka pula (isteri) sebanyak 20 (71.4%) di Kg. Tinangol dan 19 (70.3%) di Kg. P/R/B yang tidak bersekolah sama sekali. Walaupun ada juga beberapa kes di mana responden belajar menulis dan membaca di institusi pendidikan yang lain (seperti Pusat Latihan Alkitab dan Sekolah Rumah Tangga) jika diandaikan peratusan tidak bersekolah ini sebagai gambaran kebolehan celik huruf, maka adalah jelas bahawa mereka memang berhadapan dengan masalah menyerap maklumat pembangunan.

**Jadual 6.8**  
**Pencapaian Akademik Suami dan Isteri Pada 1996**

<b>Perseko-lahan</b>	<b>Kg. Tinangol</b>				<b>Kg. P/R/B</b>				<b>Jumlah</b>			
	<b>Suami</b> Bil. (%)	<b>Isteri</b> Bil. (%)										
Tidak bersekolah	21 <sup>(a)</sup>	70	20	71.4	18 <sup>(a)</sup>	60	19	70.3	39	65	39	71
Darjah 1-3	4	13.3	3	10.7	3	10	4	14.8	7	11.7	7	12.7
Darjah 4-6	2	6.7	1	3.6	5	16.7	3	11.1	7	11.7	4	7.3
Tingkatan 1-3	2	6.7	3	10.7	4	13.3	1	3.7	6	10	4	7.3
Tingkatan 4-5	1	3.3	1	3.6	-	-	-	-	1	1.7	1	1.8
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>28</b>	<b>100</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>27<sup>(b)</sup></b>	<b>100</b>	<b>60</b>	<b>100</b>	<b>55</b>	<b>100</b>

<sup>(a)</sup> Dua ketua isi rumah adalah ibu tunggal.

<sup>(b)</sup> Seorang ketua isi rumah (suami) adalah seorang duda (isteri sudah meninggal)

### 6.2.2 Prestasi akademik dan Mobiliti Anak-anak Petani

Pendidikan bukan sahaja menambahkan keupayaan individu menerima perubahan, malah pendidikan juga akan mempengaruhi mobiliti individu. Sesuai dengan tahap pendidikan individu, mobiliti ini sudah tentu sedikit sebanyak akan menambahkan peluang mereka untuk memperbaiki kedudukan ekonomi masing-masing. Keadaan ini ditunjukkan dalam jadual-jadual berikut yang berkaitan dengan pendidikan, pekerjaan dan tempat tinggal anak-anak petani.

**Jadual 6.9**

**Bilangan dan Peratusan Anak-anak Petani Mengikut Jantina Yang Masih Bersekolah Mengikut Peringkat Persekolahan Tertinggi Yang Dicapai Sebelum Atau Pada 1996**

Peringkat Persekolahan	Kg. Tinangol					Kg. P/R/B				
	Lelaki Bil.	Perempuan Bil.	Jum -lah	Lelaki Bil.	Perempuan Bil.	Jum -lah				
Tidak bersekolah	-	tb	1	tb	1	1	tb	7	tb	8
Pra-sekolah	8	tb	6	tb	14	12	tb	20	tb	41
Darjah 1-3	5	60	10	80	15	16	93.8	12	91.7	28
Darjah 4-6	14	64.3	13	46.1	27	22	68.2	19	52.6	41
Tingkatan 1-3	34	38.3	20	20	54	20	60	13	53.8	33
Tingkatan 4-5	23	21.7	33	27.3	56	10	60	8	37.5	18
Tingkatan 6R/6A	5	60	3	66.7	8	2	-	1	100	3
I.P.T.	3	66.7	-	-	3	-	-	-	-	-
Sekolah cacat <sup>(a)</sup>	1	100	-	-	1	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>93</b>	<b>42.3</b>	<b>86</b>	<b>36.7</b>	<b>179</b>	<b>83</b>	<b>68.6</b>	<b>80</b>	<b>60.3</b>	<b>172</b>

Petunjuk:

I.P.T = Institut Pengajian Tinggi

ss = Sedang bersekolah

tb = Tidak berkenaan

<sup>(a)</sup>Kanak-kanak ini mengalami kecacatan terencat akal.

Jadual 6.9 ini menunjukkan bilangan anak (pelajar) pada setiap peringkat pengajian yang ditunjukkan. Peratusan anak-anak yang sedang bersekolah juga ditunjukkan. Dapat dilihat bahawa peratus yang masih bersekolah (lelaki dan perempuan) di Kg. P/R/B pada peringkat darjah satu hingga tingkatan 5 adalah lebih tinggi berbanding dengan Kg. Tinangol. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pengaruh usia responden di mana 46.7% responden di Kg. Tinangol berusia lebih 50 tahun berbanding dengan hanya 36.7% di Kg. P/R/B. Ini bermakna kebanyakan anak-anak (pasangan berumur 50 tahun ke atas) sudah berhenti bersekolah. Peluang bersekolah di Kg. Tinangol lebih baik berbanding dengan Kg. P/R/B ini ditunjukkan dengan hanya seorang anak di Kg. Tinangol tidak pernah bersekolah berbanding dengan 8 orang di Kg. P/R/B.

Daripada segi peringkat persekolahan, 75% anak lelaki dan 70% anak perempuan yang pernah bersekolah di Kg. Tinangol telah berpeluang melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat sekolah menengah walaupun hanya 33.9% anak lelaki dan 26.8% anak perempuan yang masih menuntut pada masa ini. Sebaliknya peratusan pelajar yang berada di sekolah menengah di Kg. P/R/B hanya 45.7% anak lelaki dan 41.5% anak perempuan yang pernah atau sedang berada di sekolah menengah. Walau bagaimanapun peratus yang masih bersekolah di sekolah menengah adalah lebih tinggi di Kg. P/R/B iaitu 56.3% bagi anak lelaki dan 50% bagi perempuan. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh usia ibu bapa seperti yang dijelaskan lebih awal.

Pada umumnya pencapaian pelajar di Kg. Tinangol lebih baik. Ini ditunjukkan oleh lapan pelajar yang pernah atau berada di tingkatan enam tidak termasuk tiga orang

yang sedang atau telah menamatkan pengajian di peringkat universiti. Manakala hanya tiga orang penuntut di Kg. P/R/B yang pernah atau sedang belajar di tingkatan enam sebagai tahap tertinggi dicapai oleh pelajar-pelajar di kawasan ini.

Peratusan anak-anak yang pernah, sedang dan akan bersekolah (pra sekolah) ialah 178 (99.4%) di Kg. Tinangol dan 164 (95.3%) di Kg. P/R/B. Bolehlah dibuat kesimpulan bahawa generasi yang akan datang sekurang-kurangnya akan mengelakkkan masalah kurang pendidikan asas sebagai salah satu masalah pembangunan. Kemudahan persekolahan yang mencukupi serta bertambahnya kualiti pencapaian akademik anak-anak petani sudah tentu sedikit sebanyak akan menjadikan generasi petani pada masa ini akan lebih bersedia menghadapi cabaran pembangunan.

Peluang pendidikan yang diterima oleh anak-anak petani telah banyak mengubah persepsi ekonomi mereka. Penghijrahan ke bandar besar untuk mencari pekerjaan makan gaji ialah antara fenomena yang berlaku. Pekerjaan yang diceburi boleh dibahagikan kepada:

- (a) Kategori 1 : Pelajar pelatih, pra-sekolah.
- (b) Kategori 2 : Pekerjaan kolar biru, petani, surirumah, pelayan restoran, kilang, buruh, salon kecantikan dan lain-lain yang berkaitan.
- (c) Kategori 3 : Pekerjaan kolar putih, jurujual, kerani, guru, polis, tentera dan kepegawaian.
- (d) Kategori 4 : Penganggur.

Jadual 6.10 menunjukkan mobiliti pekerjaan anak-anak petani di kedua-dua kawasan kajian. Ada lima kawasan yang menjadi tempat utama anak-anak petani bertumpu dan tempat-tempat ini amat dipengaruhi oleh jenis dan kategori pekerjaan yang diceburi. Tempat-tempat tersebut ialah di kampung sendiri, di sekitar Daerah Kudat, sekitar Daerah Kota Kinabalu, lain-lain tempat di Sabah (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan) dan di Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

Terdapat 75 orang anak dari Kg. Tinangol dan 117 orang anak dari Kg. P/R/B tinggal di kampung sendiri. Bagi anak-anak yang berada di kampung sendiri pada masa ini, kedua-dua kawasan kajian menunjukkan kecenderungan yang sama. Sebanyak 30 (46.9%) pelajar di Kg. Tinangol dan 50 (62.5%) pelajar di Kg. P/R/B tinggal di kampung sendiri. Jumlah ini merupakan 40% di Kg. Tinangol dan 42.7% di Kg. P/R/B daripada jumlah keseluruhan anak yang tinggal di kampung sendiri. Semua anak yang menjadi petani di kedua-dua kawasan kajian tinggal di kampung sendiri iaitu seramai 16 di Kg. Tinangol dan 15 di Kg. P/R/B. Begitu juga dengan kanak-kanak pra-sekolah iaitu seramai 14 di Kg. Tinangol dan 41 di Kg. P/R/B. Boleh dikatakan faktor pendidikan sekolah rendah, kanak-kanak pra-sekolah dan pekerjaan sebagai petani merupakan faktor terpenting anak-anak tinggal di kampung sendiri. Ketiga-tiga faktor ini merupakan 80% daripada pekerjaan keseluruhan yang dijalankan di oleh anak di Kg. Tinangol dan 90.6% pekerjaan yang dijalankan oleh anak di Kg. P/R/B. Bagaimanapun hanya 26.7% (di Kg. Tinangol) dan 28.6% (di Kg. P/R/B) daripada jumlah keseluruhan surirumah tinggal di kampung sendiri. Mengikuti suami di tempat lain (untuk bekerja) merupakan alasan yang paling jelas.

**Jadual 6.10**  
**Bilangan Anak-anak Petani Mengikut**  
**Pekerjaan Dan Tempat Tinggal Pada 1996**

<b>Pekerjaan<sup>(a)</sup></b>	<b>Kg. Tinangol</b>					<b>Kg. P/R/B</b>					<b>Jumlah</b>				
	<b>KS</b>	<b>DK</b>	<b>KK</b>	<b>LLS</b>	<b>SS</b>	<b>KS</b>	<b>DK</b>	<b>KK</b>	<b>LLS</b>	<b>SS</b>	<b>KS</b>	<b>DK</b>	<b>KK</b>	<b>LLS</b>	<b>SS</b>
Pelajar/Pelatih	30	26	5	-	3	50	23	7	-	-	80	49	12	-	3
Pra-sekolah	14	-	-	-	-	41	-	-	-	-	55	-	-	-	-
<b>Jumlah ktg. 1</b>	<b>44</b>	<b>26</b>	<b>5</b>	<b>-</b>	<b>3</b>	<b>91</b>	<b>23</b>	<b>7</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>135</b>	<b>49</b>	<b>12</b>	<b>-</b>	<b>3</b>
Petani	16	-	-	-	-	15	-	-	-	-	31	-	-	-	-
Surirumah	4	4	5	1	1	2	1	4	-	-	6	5	9	1	1
Salon/restoran	-	-	5	-	1	-	-	1	-	-	-	-	6	-	1
Kilang	-	-	4	-	-	-	-	4	-	1	-	-	8	-	1
Buruh <sup>(b)</sup>	-	-	3	-	-	-	-	-	-	-	-	-	3	-	-
Lain-lain	1	1	5	-	-	-	1	7	2	-	1	2	12	2	-
<b>Jumlah Ktg. 2</b>	<b>21</b>	<b>5</b>	<b>22</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>17</b>	<b>2</b>	<b>16</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>38</b>	<b>7</b>	<b>38</b>	<b>3</b>	<b>3</b>
Jurujual	-	-	13	2	1	-	2	1	-	-	-	2	14	2	1
Kerani	2	2	4	2	-	-	1	-	-	-	2	3	4	2	-
Guru	3	3	1	1	-	2	-	-	-	-	5	3	1	1	-
Polis/Tentera	-	-	1	-	3	-	-	-	-	-	-	-	1	-	3
Kepegawaian	-	2	-	2	-	-	-	-	-	-	-	3	-	2	-
<b>Jumlah Ktg. 3</b>	<b>5</b>	<b>7</b>	<b>19</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>7</b>	<b>10</b>	<b>20</b>	<b>7</b>	<b>4</b>
<b>Penganggur</b> <b>Ktg. 4</b>	<b>5</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>7</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>12</b>	<b>1</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah Besar</b>	<b>75</b>	<b>39</b>	<b>46</b>	<b>8</b>	<b>9</b>	<b>117</b>	<b>28</b>	<b>24</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>192</b>	<b>67</b>	<b>70</b>	<b>10</b>	<b>10</b>

<sup>(a)</sup> Pekerjaan yang disenaraikan tidak termasuk uzur (1 orang) dan pekerjaan yang tidak diketahui (1 orang). Kedua-duanya di Kg. Tinangol dan tidak dimasukkan dalam jumlah keseluruhan atau mana-mana kategori.

<sup>(b)</sup> Pekerjaan buruh meliputi tukang kebun, buruh binaan, tukang sapu dan buruh kasar.

Petunjuk:

KS = Kampung sendiri

DK = Sekitar Daerah Kudat seperti kampung lain, Sikuati, Kota Marudu, Pitas dan Kota Belud.

KK = Sekitar Daerah Kota Kinabalu seperti Inanam, Menggatal, Tuaran, Tamparuli, Penampang, Putatan, Likas dan Petagas.

LLS = Lain-lain tempat di Sabah seperti Sandakan, Ranau, Tawau, Keningau, Tambunan, Wilayah Persekutuan Labuan dan sebagainya.

SS = Sarawak dan Semenanjung Malaysia

Terdapat 39 orang dari Kg. Tinangol dan 28 orang dari Kg. P/R/B yang tinggal di sekitar Daerah Kudat. Bagi anak-anak yang berada di sekitar Daerah Kudat, faktor pendidikan sekali lagi menjadi sebab migrasi. Sebanyak 26 (66.7%) di Kg. Tinangol dan 23 (82.1%) di Kg. P/R/B daripada jumlah keseluruhan anak-anak yang tinggal di sekitar Daerah Kudat adalah atas sebab belajar di sekolah menengah seperti di Sikuati, Kota Marudu dan di pekan Kudat. Pekerjaan lain di Daerah Kudat dari kedua-dua kawasan kajian ialah surirumah (7.5%), kerani (4.5%), guru (4.5%) dan kepegawaian (3%).

Terdapat 46 orang dari Kg. Tinangol dan 24 orang dari Kg. P/R/B yang berada di Kota Kinabalu dan daerah-daerah sekitarnya. Bagi anak-anak yang berada di sekitar Daerah Kota Kinabalu, keterlibatan dalam pelbagai pekerjaan kolar biru (kategori 2) merupakan faktor utama di kedua-dua kawasan kajian iaitu 47.8% di Kg. Tinangol dan 66.7% di Kg. P/R/B. Berdasarkan jumlah keseluruhan, pekerjaan kolar biru yang menjadi tumpuan ialah kilang (11.4%), restoran dan salon kecantikan (8.6%), sebagai surirumah sepenuh masa (12.9%) dan lain-lain seperti pemandu bas, penjaja, jaga, tukang sembelih, pembantu rumah, anak kapal, posmen dan di bengkel (17.1%). Bagi anak-anak dari Kg. Tinangol, keterlibatan dalam pekerjaan kolar putih mengimbangi peratusan kolar biru di Kota Kinabalu iaitu 41.3% berbanding hanya 4.2% di Kg. P/R/B. Pekerjaan yang diceburi daripada jumlah keseluruhan anak-anak dari Kg. Tinangol yang tinggal di Kota Kinabalu ialah jurujual (28.3%), perkeranian (8.7%), guru dan polis (masing-masing 2.2%).

Hanya ada dua orang di Kg. P/R/B yang bertugas atau berada di tempat-tempat lain di Sabah dan terlibat dengan pekerjaan lain-lain iaitu pemandu bas dan pembar†

rumah. Bagaimanapun tujuh orang (87.5%) anak-anak dari Kg. Tinangol yang berhijrah ke tempat-tempat lain di Sabah ini terlibat dengan pekerjaan kolar putih. Terdapat dua orang jurujual, dua orang kerani, dua orang terlibat dalam kepegawaian dan seorang guru.

Terdapat sembilan orang di Kg. Tinangol dan seorang di Kg. P/R/B berada samada di Sarawak atau Semenanjung Malaysia. Sebab utama anak-anak berhijrah ke dua-dua tempat ini ialah pelajar 3 orang , polis 3 orang , surirumah, pelayan, restoran dan jurujual masing-masing satu orang . Satu-satunya anak dari Kg. P/R/B yang berada di Semenanjung Malaysia terlibat dengan kerja kilang.

Pada keseluruhannya hanya 192 (55%) anak-anak berada dengan ibu bapa mereka manakala selebihnya berada di luar kampung atas dua sebab terpenting iaitu belajar ataupun bekerja. Peratus ini lebih rendah di Kg. Tinangol iaitu 42.4% berbanding 68% di Kg. P/R/B. Pencapaian akademik yang lebih baik, kedudukan kampung yang berhampiran dengan jalan utama serta lebih banyak terdedah dengan aktiviti bandar merupakan antara sebab yang paling kukuh yang menyebabkan mobiliti anak-anak petani lebih tinggi di Kg. Tinangol.

Melalui tinjauan terhadap mobiliti anak-anak petani, dapat dibuat kesimpulan bahawa melalui pembangunan pendidikan peluang-peluang ekonomi mereka bertambah. Peningkatan peluang ekonomi anak-anak petani ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan mereka, malah mereka juga dapat membantu ibu bapa mereka dalam

perbelanjaan seharian. Jadual 4.19 membuktikan bahawa pemberian anak-anak merupakan sumber pendapatan tunai terpenting bagi sesetengah ibu bapa.

### **6.3 Politik Dan Pembangunan**

Isu pembangunan dan politik kepartian tidak dapat diasingkan daripada minda masyarakat di tempat kajian. Bagaimanapun idea atau persepsi mereka tentang pembangunan biasanya amat terhad kepada pembangunan fizikal sahaja. Apabila ditanyakan siapa yang paling banyak membawa ‘pembangunan’ di kampung tersebut, jawapan yang biasa diberikan adalah merujuk kepada kemudahan infrastruktur dan kerajaan tertentu yang telah membina atau meluluskan peruntukan infrastruktur tersebut. Umpamanya mereka menyatakan jalan raya, bekalan air graviti dan rumah panjang kampung ini dibina oleh kerajaan BERJAYA, bangunan ibadat dan dewan serbaguna dibina oleh kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan bekalan elektrik dan astaka dibina oleh UMNO. Keupayaan kewangan sesebuah parti politik (terutama yang sedang memerintah) memberikan sejumlah peruntukan dilihat sebagai sebab faktor penting menghubungkan parti politik dengan pembangunan.

Selain daripada memainkan peranan sebagai ‘pembawa pembangunan’, era sesuatu parti politik memerintah juga dijadikan sebagai rujukan masa (time reference). Oleh itu politik kepartian sukar diasingkan sekurang-kurangnya daripada dua aspek iaitu perspektif pembangunan dan sebagai rujukan tempoh.

### 6.3.1 Penyediaan Kemudahan Infrastruktur

Walaupun politik kepartian mempunyai pengaruh sedemikian rupa, parti politik tidak pula dilihat sebagai organisasi yang paling penting untuk memajukan sesebuah kampung tersebut. Penemuan mendapati, masih terdapat beberapa individu atau organisasi yang dilihat lebih penting untuk memajukan sesebuah kampung tersebut.

Jadual 6.11 menunjukkan senarai individu atau organisasi yang pada pendapat para petani di kawasan kajian memainkan peranan yang penting untuk memajukan kampung berkenaan. Kedua-dua kawasan kajian mengakui JKKK sebagai badan yang paling penting untuk memajukan kampung iaitu 38.5% (6.9% daripadanya merujuk kepada JKKK yang terdahulu) di Kg. Tinangol dan 32.1% di Kg. P/R/B. Kg. Tinangol meletakkan keupayaan wakil rakyat sebagai satu aset kedua penting iaitu 21.5% berbanding hanya ketiga penting di Kg. P/R/B iaitu 19.6%. Kg. P/R/B meletakkan ketua kampung sebagai individu terpenting selepas JKKK untuk memajukan kampung iaitu 20.2%. Apa yang menarik di Kg. Tinangol ialah gotong-royong dilihat sebagai satu cara penting mereka boleh memajukan kampung iaitu sebanyak 13.8% manakala hanya 8.4% petani di Kg. P/R/B berpendapat demikian. Lain-lain individu atau organisasi yang dianggap boleh memajukan kampung ialah pihak gereja, persatuan belia, Jabatan Pertanian, Lembaga Tabung Getah (Sabah), Yayasan Sabah dan ahli politik tertentu.

**Jadual 6.11**  
**Individu Atau Organisasi Yang Paling Penting Untuk Memajukan**  
**Kampung Mengikut Keutamaan Petani Pada 1996.**

<b>Individu/Organisasi</b>	<b>D/L</b>	<b>Kg. Tinangol</b>		<b>Kg. P/R/B</b>		<b>Jumlah</b>	
		<b>Skor</b>	<b>%</b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>
JKKK <sup>(a)</sup>	D	50	38.5	46	32.1	96	35.2
Wakil Rakyat <sup>(b)</sup>	L	28	21.5	28	19.6	56	20.5
Ketua kampung	D	12	9.2	29	20.2	41	15
Gotong-royong	D	18	13.8	12	8.4	30	11
Pihak gereja <sup>(c)</sup>	D	11	8.5	15	10.5	26	9.5
Persatuan belia	D	3	2.3	2	1.4	5	1.8
Parti Politik	L	4	3	-	-	4	1.5
Jabatan Pertanian	L	2	1.5	2	1.4	4	1.5
Yayasan Sabah	L	-	-	3	2.1	3	1.1
Lembaga Tabung Getah Sabah	L	-	-	3	2.1	3	1.1
Kepimpinan	D	-	-	2	1.4	2	0.7
Perdana Menteri/ Maximus Ongkili <sup>(d)</sup>	L	2	1.5	-	-	2	0.7
<b>Jumlah</b>		<b>130</b>	<b>100</b>	<b>143</b>	<b>100</b>	<b>273</b>	<b>100</b>

(a) JKKK adalah singkatan bagi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung.

(b) Tanpa merujuk kepada mana-mana parti politik.

(c) Pihak gereja yang dimaksudkan ialah Gereja Protestan di Sabah.

(d) Perdana Menteri yang dimaksudkan ialah Dr. Mahathir Mohamed. Dr. Maximus.

Ongkili pula ialah Ahli Parliment Kawasan P.147 Bandau.

D = Individu/Organisasi 'dalam' kampung itu sendiri.

L = Individu/Organisasi dari 'luar' kampung itu.

### 6.3.2 Peranan Pemimpin di Peringkat Kampung

Analisis selanjutnya daripada Jadual 6.11, mendapati kedua-dua kawasan kajian mempunyai sentimen yang hampir sama tentang penyerahan tanggungjawab memajukan atau membangunkan kampung mereka. Didapati 73.8% di Kg. Tinangol dan 74.8% di Kg. P/R/B menyatakan individu atau organisasi dalam kampung itu sendiri yang lebih penting untuk membangunkan kampung mereka. Walaupun kepentingan bantuan pihak luar atau organisasi luaran seperti pemberian peruntukan kepada pihak JKKK untuk projek kecil tidak dinafikan tetapi mereka berpendapat bantuan tersebut hanya akan diperolehi dengan kekuatan dan kerjasama yang baik di kalangan orang kampung khususnya JKKK. Jika salah satu pihak hanya mengambil kesempatan atau enggan bekerjasama maka kedua-duanya tidak akan mencapai tanggungjawab masing-masing. Salah seorang responden menceritakan tentang perbuatan JKKK kampung tertentu yang membuat permohonan untuk memagar kampung tersebut dengan dawai berduri. Selepas bantuan tersebut sampai, beberapa individu dalam JKKK telah berpaktat untuk menjual dawai tersebut untuk kepentingan mereka sendiri. Peratus pendapat selebihnya pula iaitu 26.2% di Kg. Tinangol dan 25.2% di Kg. P/R/B meletakkan tanggungjawab membangunkan kampung di tangan individu atau organisasi luar. Walaupun masih terdapat tanda-tanda pergantungan kepada bantuan luar untuk memajukan kampung atau diri sendiri, sekurang-kurangnya kedua-dua kawasan kajian ini sudah mula meletakkan tanggungjawab itu di bahu mereka sendiri khususnya daripada aspek pembangunan ekonomi.

Persoalannya sekarang, sejauhmanakah pengaruh individu atau organisasi dalam kampung tersebut menentukan hala tuju pembangunan kampung tersebut? Perkara ini

penting diselidiki kerana penemuan ini akan menjelaskan adakah pemimpin formal atau individu tertentu dalam kampung tersebut (seperti ketua kampung dan pengerusi JKKK) mengalami krisis kepemimpinan iaitu keadaan di mana ia tidak mampu menjalankan tugasnya seperti yang diharapkan oleh anak-anak buahnya.

**Jadual 6.12**  
**Individu Paling Berpengaruh Mengikut Keutamaan Petani Pada 1996**

<b>Individu</b>	<b>Kg. Tinangol</b>		<b>Kg. P/R/B</b>		<b>Jumlah</b>	
	<b>Skor</b>	<b>%</b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>
Ketua kampung	38	38.8	78	54.9	116	48.3
Pengerusi JKKK	15	15.3	37	26.1	53	21.7
Petugas agama/gereja	34	34.7	12	8.5	46	19.2
Orang-orang tua	2	2	5	3.5	7	2.9
<i>Bobolizan</i>	3	3.1	3	2.1	6	2.5
Kepemimpinan peribadi <sup>(a)</sup>	-	-	5	3.5	5	2.1
Individu berpelajaran	3	3.1	1	0.7	4	1.7
Individu kaya	2	2	-	-	2	0.8
Wakil Rakyat	1	1	-	-	1	0.4
Kuasa Majoriti <sup>(b)</sup>	-	-	1	0.7	1	0.4
<b>Jumlah</b>	<b>98</b>	<b>100</b>	<b>142</b>	<b>100</b>	<b>240</b>	<b>100</b>

(a) Merujuk kepada kualiti peribadi individu tanpa mengira status dan pangkat

(b) Meletakkan pilihan majoriti sebagai kuasa yang paling berpengaruh

Jadual 6.12 menunjukkan senarai individu yang paling berpengaruh dalam kedua-dua kawasan kajian. Jika dibandingkan dengan Jadual 6.11, didapati terdapat banyak persamaan di antara individu yang penting untuk membangunkan kampung dengan individu yang berpengaruh dalam kampung. Ketua kampung dan pengerusi JKKK kekal

sebagai ‘important figure’ di kampung. Pada keseluruhannya 44.6% meletakkan ketua kampung sebagai paling berpengaruh dengan 54.9% di Kg. P/R/B berbanding hanya 29% (kedua berpengaruh) di Kg. Tinangol. Keadaan persekitaran yang lebih tradisional di Kg. P/R/B yang mana masih cenderung mengekalkan konsep *vozoon* (pemimpin utama) jelas menyebabkan ketua kampung dilihat sebagai tokoh yang paling penting. Keadaan di Kg. Tinangol pula adalah sebaliknya, perlantikan ketua kampung terutama selepas 1985 sering mengabaikan konsep *vozoon* ini dan lebih cenderung kepada perlantikan bermotifkan politik. Keadaan ini menyebabkan pengaruh ketua kampung walaupun masih dilihat sebagai kukuh dalam soal adat-istiadat, tetapi pada umumnya pengaruh ketua kampung semakin berkurang. Individu yang dianggap paling berpengaruh di Kg. Tinangol ialah petugas-petugas agama iaitu 34% berbanding hanya 8.5% di Kg. P/R/B. Petugas agama dilihat sebagai alternatif yang semakin penting di Kg. Tinangol. Perlantikan bermotifkan politik ke atas jawatan-jawatan penting di kampung adalah antara sebab pengaruh petugas agama semakin penting. Selain itu, imej ‘bersih’ mereka turut membantu memelihara reputasi ini.

Secara keseluruhannya, tiga individu paling berpengaruh di kedua-dua kawasan kajian iaitu, ketua kampung, pengerusi JKKK dan petugas agama. Ketiga-tiga individu ini mengumpul 88.8% di Kg. Tinangol dan 85.4% di Kg. P/R/B. Keadaan ini mudah difahami kerana ketiga-tiga individu ini memainkan peranan utama dalam bidang masing-masing. Tugas dan tanggungjawab ketua kampung semakin menjurus kepada urusan adat-istiadat, pengerusi JKKK pula boleh dikatakan sebagai penghubung di antara kerajaan dan orang kampung tersebut, manakala petugas agama berperanan menjalankan hal ehwal keagamaan. Individu-individu lain seperti orang kaya, *bobolizan*, orang-orang

tua dan individu berpelajaran memainkan peranan sebagai ‘orang rujukan’ mengikut kebolehan masing-masing. Paling menarik, pengaruh wakil rakyat hanya pada tahap paling minima apabila sampai ke peringkat kampung.

Keupayaan agensi-agensi pembangunan dalam menggembeling tenaga dan pengaruh ketiga-tiga individu tersebut dalam menerapkan idea-idea pembangunan sudah tentu akan menghasilkan tahap keberkesanan yang lebih tinggi. Walaupun bantuan daripada luar tidak dinafikan kepentingannya, kerjasama ketiga-tiga tenaga tersebut dengan bantuan penduduk kampung seluruhnya lebih kukuh untuk menyediakan landasan ke arah pembangunan yang menyeluruh. Pendekatan menyebarkan idea dan pembangunan dengan mengharapkan segmen-segmen tertentu dalam masyarakat untuk mempengaruhi orang lain menerima idea atau perubahan tertentu haruslah dielakkan atau terhad kepada saiz kumpulan sasaran yang kecil. Tetapi apabila melibatkan kumpulan sasaran yang luas dan besar, agen-agen pembangunan perlu menggunakan semua sumber untuk mengubah pemikiran dan menarik minat masyarakat untuk menyertainya. Sumbangan pemimpin di peringkat kampung ini bahkan boleh menjadi pra-syarat untuk menentukan sambutan masyarakat dalam sesuatu program pembangunan. Kombinasi sumbangan mereka dan program pembangunan yang dirancang dengan rapi akan membolehkan pembangunan dan perubahan yang menyeluruh dapat dijalankan.

### **6.3.3 Hubungan ‘Patron-Client’**

Persaingan untuk memenangi pilihan raya di Malaysia khususnya di Sabah telah menggalakkan suasana untuk membina hubungan ‘patron-client’. Untuk menjamin dipilih atau terpilih semula, seseorang calon mestilah sentiasa memberikan penyokong-

penyokongnya ‘hadiah’ sebagai tanda terima kasih dan jaminan sokongan yang diberikan tetap utuh. Ahli politik yang berjaya mempunyai pelbagai cara untuk mengukuhkan hubungan ini seperti pemberian projek, pemberian jawatan (contohnya Ketua Kampung dan Ketua Anak Negeri), pekerjaan, gelaran, tanah, lesen perniagaan dan kontrak. (Solhee dalam R.A. Cramb, ed., 1988: 92). Sebagai balasan daripada pihak ‘client’ mereka membantunya berkempen dan mengundi ‘patron’ mereka semasa pilihan raya.

Keadaan ini menyebabkan ahli politik yang terpilih tidak mempunyai pilihan lain jika mahu terpilih semula kerana ‘client’nya juga menjangkakan (expect) beliau akan meneruskan amalan yang sudah menjadi tradisi ini. Dengan keadaan sumber dan masa yang terhad, ahli-ahli politik akan cuba sedaya upaya untuk membahagikan peruntukannya untuk dinikmati oleh seberapa banyak penyokongnya (atau kawasannya) dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu apabila hubungan ini berlaku, projek pembangunan (yang dijanjikan semasa pilihanraya) dilakukan dengan melibatkan pelaksanaan struktur dan organisasi yang mudah, ‘simple’, murah, memberi faedah orang ramai, sesuatu yang kelihatan (visible) dan sesuatu yang boleh diterima segera seperti pembangunan fizikal dan subsidi. Antara pembangunan fizikal yang popular ialah pembinaan jambatan, bangunan ibadat, jalan raya luar bandar, dewan serbaguna, jeti, padang bola sepak dan sebagainya. Bentuk-bentuk pembangunan seperti ini didapati paling mudah untuk menunjukkan adanya ‘perubahan’ dan ‘pembangunan’ dan merupakan simbol kejayaan sesebuah kerajaan yang memerintah. Persoalan tentang faedah pembangunan sosio-ekonomi yang sebenar serta faedah jangka panjang kurang diambil perhatian. (Solhee dalam Cramb ed., 1988: 92).

Adalah jelas bahawa campurtangan dalam perlantikan ketua kampung serta ciri-ciri projek pembangunan yang dijalankan di kawasan kajian menunjukkan adanya tandatanda hubungan ini berlaku. Persoalannya sekarang ialah sejauhmanakah hubungan ini wujud di kawasan kajian?

Jadual 6.13 menunjukkan keyakinan berdasarkan pengalaman petani di kawasan kajian terhadap calon yang mereka undi untuk membantu atau sebaliknya dalam meringankan kehidupan mereka sebagai petani. Pada keseluruhannya, 26 orang (43.3%) yakin calon yang diundi mampu memberikan pembangunan yang mana 11 orang (42.3%) daripadanya merujukkan pembangunan tersebut dengan peningkatan sosio-ekonomi seperti pemberian bantuan kewangan, memberikan sokongan untuk mendapatkan pekerjaan (kepada anak petani), pemberian peralatan pertanian (tangki penyembur, ‘water pump’, dan mesin rumput) dan pemberian peralatan rumah seperti mesin jahit. 11 orang (34.6%) lagi merujukkan pembangunan yang diberikan kepada pembangunan infrastruktur manakala 6 orang (23.1%) merujukkan bantuan yang diberikan sebagai bantuan sewaktu menghadapi masalah yang besar.

Daripada jumlah keseluruhan juga 24 orang (40%) yakin calon yang mereka undi tidak akan memberikan apa-apa bantuan kepada mereka. Daripada jumlah ini, alasan utama mereka ialah, calon yang dipilih biasanya akan melupakan pengundinya (selepas menang pilihan raya) seramai 8 orang (33.3%). Seramai 10 orang (41.7%) menyatakan alasan sama ada tidak berminat ‘berebut-rebut’ meminta bantuan atas dua sebab iaitu terlalu ramai orang yang mungkin perlukan bantuan beliau dan segan meminta bantuan dalam keadaan tersebut (berebut-rebut). Alasan-alasan lain yang diberikan ialah Y.B.

sibuk (12.5%), JKKK tidak aktif memohon bantuan (4.2%), sebagai ketua kampung; mahu mengutamakan urusan anak buah (4.2%) dan mungkin tiada peruntukan (4.2%). Seramai 10 orang (16.7%) lagi tidak pasti samada calon yang diundi memberi bantuan ataupun tidak.

**Jadual 6.13**  
**Keyakinan Para Petani (berdasarkan pengalaman) Terhadap Kemampuan Calon Yang Diundi Untuk Membantu Meningkatkan Mutu Kehidupan Pada 1996**

Bantuan calon undi	Kg. Tinangol Bil.	Kg. Tinangol %	Kg. P/R/B Bil.	Kg. P/R/B %	Jumlah Bil.	Jumlah %
<b>(A) Boleh Membantu</b>						
Menyediakan infrastruktur	4	30.8	5	38.5	9	34.6
Bantuan masalah besar <sup>(a)</sup>	4	30.8	2	15.4	6	23.1
Meningkatkan sosio-ekonomi	5	38.5	6	46.1	11	42.3
<b>Jumlah boleh membantu</b>	<b>13</b>	<b>100</b>	<b>13</b>	<b>100</b>	<b>26</b>	<b>100</b>
<b>(B) Tidak Boleh Membantu</b>						
Sibuk	-	-	3	27.3	3	12.5
Terlalu ramai yang minta bantuan	4	30.8	1	9.1	5	20.8
Lupa pengundi	3	23.1	5	45.5	8	33.3
Segan meminta bantuan	3	23.1	2	18.1	5	20.8
JKKK kurang/tidak aktif	1	7.7	-	-	1	4.2
Uruskan bantuan untuk anak buah dahulu	1	7.7	-	-	1	4.2
Mungkin tiada peruntukan	1	7.7	-	-	1	4.2
<b>Jumlah tidak boleh membantu</b>	<b>13</b>	<b>100</b>	<b>11</b>	<b>100</b>	<b>24</b>	<b>100</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						
Boleh membantu	13	44.8	13	50	26	43.3
Tidak boleh membantu	13	44.8	11	42.3	24	40
Tidak tahu	4	13.3	6	20	10	16.7
<b>JUMLAH</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>60</b>	<b>100</b>

<sup>(a)</sup> Masalah besar adalah seperti perbelanjaan anak melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi dan bencana alam.

Mengandaikan hubungan ‘patron-client’ ujud semata-mata kerana terdapat 43.3% menyatakan keyakinan akan mendapat bantuan, mungkin kurang tepat kerana mungkin bantuan ataupun pembangunan yang dimaksudkan adalah sebahagian

tanggungjawab kerajaan tertentu khususnya dalam pembangunan infrastruktur. Bagaimanapun 65.4% daripada jumlah yang yakin akan mendapat bantuan menunjukkan ciri-ciri berlakunya hubungan ini iaitu petani yang menyatakan akan meminta bantuan jika ada masalah besar dan pemberian ‘bantuan’ untuk meningkatkan sosio-ekonomi. Perkara ini akan dilihat dengan lebih lanjut dalam Jadual 6.14.

Jadual 6.14 menunjukkan penyertaan dalam pilihan raya dan sebab petani mengundi seseorang calon. Dapat diperhatikan bahawa 91.7% pernah mengundi dalam pilihan raya. Pengkaji yakin kebanyakannya pengundi ini adalah pengundi tetap (keluar mengundi setiap pilihan raya) kerana 60% daripada mereka yang tidak mengundi sebenarnya berada dalam umur awal 20an dan menyatakan belum mendaftar sebagai pemilih sebagai alasan belum atau tidak mengundi.

Pada keseluruhannya ada dua sebab utama seseorang calon dipilih oleh para petani iaitu yakin calon berkenaan (apabila menang) akan dapat memberikan pembangunan (43.3%) dan mengikut suara majoriti kampung tersebut dan kawasan pilihanraya terlibat (25.3%). Kg. Tinangol meletakkan parti yang disukai sebagai salah satu sebab penting iaitu 20% (kedua penting) manakala Kg. P/R/B meletakkan keperibadian calon yang baik sebagai sebab ketiga penting iaitu 15.4%. Sebab-sebab lain hanya mendapat kepentingan yang sederhana. Bagaimanapun apa yang menarik ialah terdapatnya empat (2.2%) petani di Kg. Tinangol yang menjadikan alasan mendapat projek dan jawatan sebagai ganjaran mengundi seseorang calon.

**Jadual 6.14**  
**Penyertaan Petani Dalam Proses Pilihan Raya Dan**  
**Sebab Mengundi Seseorang Calon Pada 1996**

<b>Penyertaan Pilihan Raya</b>	<b>Kg. Tinangol</b>		<b>Kg. P/R/B</b>		<b>Jumlah</b>	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Tidak pernah mengundi	1	3.3	4	13.3	5	8.3
Pernah mengundi	29	96.7	26	86.7	55	91.7
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>30</b>	<b>100</b>	<b>60</b>	<b>100</b>
<b>Sebab mengundi seseorang calon<sup>(a)</sup></b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>	<b>Skor</b>	<b>%</b>
Boleh memberi pembangunan	44	44	33	42.3	77	43.3
Ikut kehendak majoriti <sup>(b)</sup>	18	18	27	34.6	45	25.3
Parti yang disukai	20	20	3	3.8	23	12.8
Keperibadian yang baik	6	6	12	15.4	18	10.1
Bangsa sendiri (Rungus)	5	5	3	3.8	8	4.5
Mendapat jawatan/projek	4	4	-	-	4	2.2
Parti berasal dari Sabah	3	3	-	-	3	1.7
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>78</b>	<b>100</b>	<b>178</b>	<b>100</b>

<sup>(a)</sup> Empat responden di Kg. P/R/B tidak mahu menjawab soalan.

<sup>(b)</sup> Kehendak majoriti merujuk kepada sentimen kampung itu sendiri dan seluruh kawasan pilihan raya terlibat.

Dengan mengandaikan sebab-sebab lain yang dinyatakan adalah bersifat sentimental (seperti parti yang disukai, ikut kehendak majoriti, keperibadian yang baik, bangsa yang sama, harapan boleh memberi pembangunan) serta tidak menjurus kepada keuntungan peribadi maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa hubungan ‘patron-client’ hanya wujud pada bilangan yang minima iaitu kurang 3% daripada sample

keseluruhan kawasan kajian. Bagaimanapun setakatmana hubungan mempengaruhi mentaliti keseluruhan penduduk sukar dijelaskan.

#### **6.4 Kesimpulan**

Penglibatan agen-agen pembangunan di luar bandar untuk mengisi kemerdekaan negara dilihat sebagai satu langkah penting untuk mewujudkan ekonomi masyarakat yang seimbang di antara bandar dan luar bandar serta keseimbangan ekonomi antara kaum. Dasar Ekonomi Baru dilancarkan berikutan peristiwa 1969 yang mendesak kerajaan melakukan sesuatu untuk menyusun semula ekonomi Malaysia. Tegasnya apa yang mahu diwujudkan pada masa itu ialah “pembahagian semula dengan pertumbuhan” (King dan Nazaruddin Mohd Ali, ed. 1992: 2). Sehubungan dengan itu terdapat banyak agensi-agensi pembangunan yang dibentuk untuk melaksanakan hasrat DEB.

Di pihak Negeri Sabah, agensi-agensi seperti Sabah Land Development Board (SLDB), Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Sabah Forestry Development Authority, Lembaga Tabung Getah Sabah (SRFB), Lembaga Padi Sabah (SPB) dan Sabah Economic Development Corporation (SEDCO) adalah agensi kerajaan yang ditubuhkan untuk membangunkan negeri ini dan sekaligus membanteras kemiskinan. Selain daripada itu kemasukan agensi pembangunan persekutuan seperti Federal Land Development Board turut mencuba nasib untuk sama-sama membangunkan Negeri Sabah.

Masalah asas yang dihadapi oleh agen-agen ialah perbezaan nilai di antara petani yang merupakan petani saradiri di satu pihak dan agen pembangunan yang mahu

memperkenalkan ekonomi wang kepada mereka. Masalah asas seperti ini turut mempengaruhi sikap petani secara keseluruhannya seperti kurang bekerjasama, tidak berminat dengan inovasi, tidak produktif serta mudah berputus asa. Perbezaan nilai seperti ini akhirnya boleh menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua pihak tersebut.

Agen-agen pembangunan juga telah mendedahkan masalah kekurangan pendidikan sebagai salah satu masalah membangunkan masyarakat luar bandar. Masalah ini menyebabkan kumpulan sasaran kurang kemampuan untuk menyerap idea-idea pembangunan. Perhatian khusus haruslah diberikan kepada anak-anak para petani agar mendapat pendidikan yang secukupnya supaya kebarangkalian dibelenggu masalah kemiskinan dapat dikurangkan. Mobiliti anak-anak petani di kawasan kajian menunjukkan bahawa peluang-peluang ekonomi mereka akan bertambah sekiranya mereka mempunyai pendidikan yang lebih tinggi.

Untuk melicinkan penerimaan idea-idea pembangunan, peranan kepimpinan di peringkat kampung tidak harus diabaikan. Walaupun mungkin terdapat kecenderungan pihak luar (seperti agen-agen pembangunan) untuk menilai pemimpin kampung sebagai tidak lebih daripada pemimpin tradisional, namun kedudukan dan pengaruh mereka sebenarnya boleh mempengaruhi kejayaan sesebuah program pembangunan setempat. Kajian ini menunjukkan bahawa orang-orang kampung mempunyai sentimen yang kuat untuk menerima pembangunan yang datang atau melalui organisasi dalaman kampung itu sendiri. Oleh itu agen pembangunan haruslah menggunakan saluran yang betul untuk mendekati kumpulan sasaran. Bagaimanapun, untuk memastikan peranan kepimpinan dihormati, campurtangan parti politik dalam menentukan kepemimpinan di peringkat

kampung haruslah dihentikan sama sekali. Campurtangan seumpama ini bukan sahaja menyebabkan pemimpin kurang dihormati tetapi juga akan menyebabkan penyalahgunaan kuasa, bertindak tidak adil serta menimbulkan sentimen pihak berkepentingan dalam melakukan sesuatu keputusan. Sekiranya campurtangan ini diteruskan, maka ini akan meningkatkan lagi amalan hubungan ‘patron-client’ di sesebuah kawasan. Hubungan kurang sihat dalam politik ini seterusnya akan menimbulkan ketidakadilan dalam skala yang lebih besar.

Adalah jelas bahawa perubahan telah berlaku di kawasan kajian tetapi perubahan tidak bermakna berlakunya pembangunan. Pembangunan yang dikatakan telah membawa perubahan sebenarnya lebih dirujukkan kepada pembangunan fizikal. Walaupun kepentingan pembangunan fizikal tidak dapat dinafikan tetapi pembangunan sosioekonomi juga harus diberikan perhatian. Dalam hal ini, masih banyak yang perlu dilakukan oleh agen-agen pembangunan. Dalam pada itu, masalah yang dihadapi oleh agen-agen pembangunan perlu dijadikan iktibar untuk mendapatkan ramuan pembangunan yang lebih sempurna.

#### **Nota Kaki.**

1. Upacara ‘Pembaptisan ialah satu upacara untuk mengesahkan kemasukan seseorang ke dalam Agama Kristian.
2. Encik Freddy Lee adalah Juru Ukur (surveyor) Sabah Forestry Development Authority.
3. Selepas Parti Usno menang dalam Pilihan Raya Negeri Sabah pada 1967, Kerajaan Negeri yang diterajui oleh mendiang Tun Mustapha telah bertindak tidak memperbaharui permit kerja para mualigh Kristian. Menjelang 1974, mualigh Kristian yang terakhir di kalangan kaum Rungus meninggalkan Sabah.